



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA
Pejabat Pendidikan Daerah Seremban

MOCAS 2023

Modul Cemerlang Akaun Seremban

PRINSIP PERAKAUNAN TINGKATAN 5



Disusun oleh :
Guru-guru Prinsip Perakaunan Daerah Seremban

PENGHARGAAN

Terima kasih kepada semua guru yang menyumbang pelbagai bentuk latihan. Semoga usaha murni ini akan memberikan impak positif kepada murid-murid yang mengambil mata pelajaran Prinsip Perakaunan bagi Daerah Seremban, Negeri Sembilan.

PENASIHAT

Pejabat Pendidikan Daerah Seremban

PENGERUSI

Pengetua SMK King George V

PENYELARAS

Azmiah binti Abdul Razak (SMK King George V)

KETUA EDITOR

Nor Azliza binti Ahmad Hashimi (SMK Rantau)

PENOLONG KETUA EDITOR

Suzila binti Hasan (SMK Taman Semarak)

EDITOR

Noorafidah binti Mansor (SM Sains Tuanku Aishah Rohani)

Noor Aziana binti Dzulkifly (SMK Senawang)

Ainaa Farah binti Kayat (SMA Dato' Klana Petra Makmor)

Moi Fong Fun (SMK Bukit Kepayang)

Haslina binti Yusoff (SMK Methodist ACS)

Nor Rohana binti Kamaruddin (SMK Puteri)

Norhafizah binti Abdullah (SMK Bandar Enstek)

Ruzana binti Abdul Latif (SMK Seremban Jaya)

Lee kian (SMK Seremban 3)

Anizah binti Ahmad (SMK Seri Pagi)

Noor Mardiana binti Ismail (SMK Taman Tuanku Jaafar)

Hasrul Izam bin Mohd (SMK Dato Klana Putra Lenggeng)

PEREKA GRAFIK

Mohd Faisal bin Hamadun (SMK Methodist ACS)

PENULIS

Guru-guru Prinsip Perakaunan Daerah Seremban

SENARAI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
SOALAN ARAS RENDAH	
1. Analisis dan Tafsiran Penyata Kewangan untuk Membuat Keputusan	4 – 5
2. Rekod Tak Lengkap	6 – 7
3. Perakaunan untuk Kawalan Dalaman	
- Penyata Penyesuaian Bank	8 – 9
- Belanjawan Tunai	10 – 12
4. Perakaunan untuk Perkongsian	
- Perkongsian	13 – 14
- Pembubaran Perkongsian	15 – 17
5. Perakaunan untuk Syarikat Berhad Menurut Syer	18 – 19
6. Perakaunan untuk Kelab dan Persatuan	20 – 22
7. Perakaunan Kos	
- Akaun Pengeluaran	23 – 25
- Titik Pulang Modal	26 – 27
SOALAN ARAS SEDERHANA & TINGGI	
1. Analisis dan Tafsiran Penyata Kewangan untuk Membuat Keputusan	29 – 32
2. Rekod Tak Lengkap	33 – 36
3. Perakaunan untuk Kawalan Dalaman	
- Penyata Penyesuaian Bank	37 – 42
- Belanjawan Tunai	43 – 46
4. Perakaunan untuk Perkongsian	
- Perkongsian	47 – 51
- Pembubaran Perkongsian	52 – 56
5. Perakaunan untuk Syarikat Berhad Menurut Syer	57 – 59
6. Perakaunan untuk Kelab dan Persatuan	60 – 63
7. Perakaunan Kos	64 – 68
JAWAPAN	
1. Soalan Aras Rendah	70 – 80
2. Soalan Aras Sederhana / Tinggi	81 – 127



MOCAS 2023

Modul Cemerlang Akaun Seremban

SOALAN ARAS RENDAH

ALISIS DAN TAFSIRAN PENYATA KEWANGAN UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN

1. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Bright Enterprise bagi tahun berakhir 31 Ogos 2022.

	RM
Untung Kasar	20 000
Inventori awal	16 420
Inventori akhir	10 200
Belian	33 780

Berapakah peratus untung kasar atas kos jualan? [2 markah]

2. Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Tekun bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

	RM
Modal	50 000
Untung bersih	8 000
Untung Kasar	10 000

Berapakah Pulangan atas Modal? [2 markah]

3. Butir-butir yang berikut dipetik daripada buku-buku Perniagaan Melur pada 31 November 2022.

	RM
Untung Kasar	15 000
Jumlah Belanja	8 000
Jualan Bersih	20 000

Hitung peratus untung bersih atas jualan. [2 markah]

4. Butir-butir yang berikut diambil daripada buku-buku sebuah firma pada 30 Jun 2022.

	RM
Aset semasa	24 000
Liabiliti semasa	8 000
Aset bukan semasa	16 000

Hitung nisbah semasa. [2 markah]

5. Butir-butir berikut diambil daripada Perniagaan Alat Tulis Starbug.

	RM
Inventori pada 1 April 2021	16 000
Inventori pada 31 Mac 2022	12 000
Kos Jualan	38 000

Berapakah Kadar Pusing Ganti Inventori? [2 markah]

Soalan 6 dan 7 berdasarkan maklumat di bawah.

	RM
Akaun Belum Terima	15 000
Akaun Belum bayar	13 000
Jumlah Belian kredit	56 540
Jumlah Jualan	84 000

6. Hitung Tempoh Kutipan Hutang. [2 markah]

7. Hitung Tempoh Pembayaran Hutang [2 markah]

8. Maklumat berikut diperolehi daripada Penyata Pendapatan Syarikat Daniel bagi tahun berakhir 31 Disember 20X8

	RM
Kos jualan	63 000
Pulangan Jualan	3 000
Untung Kasar	15 000

Anda dikehendaki mengira peratus untung kasar atas jualan [2 markah]

9. Maklumat berikut diperolehi daripada penyata kewangan Ikhlas Enterprise

	RM
Perabot	4 000
Kenderaan	15 000
Bank	12 800
Tunai	2 200
Inventori	11 600
Akaun Belum Terima	4 300
Akaun Belum Bayar	10 300
Modal	29 600
Pinjaman	10 000

Hitung Nisbah Semasa [2 markah]

10. Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Berjaya

Jumlah Aset Semasa = RM 200 000

Jumlah Liabiliti Semasa = RM 400 000

i Hitung nisbah semasa bagi Perniagaan Berjaya

ii Bagaimanakah Perniagaan Berjaya dapat meningkatkan nisbah semasa?

[2 markah]

REKOD TAK LENGKAP

1. Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Runcit Pak Mat.

Modal Awal = RM3 000
Modal Akhir = RM5 000

Kirakan untung atau rugi perniagaan.

[2 markah]

2. Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Milla

	RM
Modal pada 1 Januari 2021	35 000
Modal pada 31 Disember 2021	82 000
Ambilan	1 300
Modal Tambahan:-	
i) Dibawa masuk pada 1 Mac 2021	3 000
ii) Dibawa masuk pada 6 Mei 2021	2 500

Berapakah untung bersih yang diperoleh bagi Perniagaan Milla?

[2 markah]

3. Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Hulya yang mengamalkan rekod tak lengkap.

	1 Januari 2022 (RM)	31 Disember 2022 (RM)
Insurans prabayar	300	350

Maklumat tambahan:-

Insurans yang telah dibayar dengan cek sepanjang tahun 2022 ialah RM 1 550.

Berapakah jumlah insurans yang akan direkodkan dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2022?

[2 markah]

Soalan 14, 15, dan 16 adalah berdasarkan rajah di bawah.

Aset dan liabiliti Kedai Runcit Juara adalah seperti berikut.

	1 Julai 2020 (RM)	30 Jun 2021 (RM)
Aset	30 000	65 420
Liabiliti	16 500	32 600

Maklumat tambahan:

- i) Pada 1 Oktober 2020 pemilik membawa masuk perabot peribadi bernilai RM2 600 ke dalam perniagaan.
- ii) Mulai Januari 2021, pemilik membuat ambilan barang niaga bernilai RM400 sebulan untuk kegunaan keluarga.

Hitung:-

4. Modal awal [2 markah]
5. Modal akhir [2 markah]
6. Untung bersih [2 markah]

7. Puan Selvi memulakan perniagaan kedai dobi dengan modal RM53 000 pada 1 Januari 2020. Beliau tidak mengamalkan sistem catatan bergu. Modal pada 31 Disember 2020 ialah RM34 900. Pada tahun tersebut, Puan Selvi membawa masuk perabot ke dalam perniagaan bernilai RM1 200.

Hitung untung bersih kedai dobi Puan Selvi. [2 markah]

8. Maklumat yang berikut diambil daripada perniagaan Kedai Raveen.

	RM
Modal awal	10 000
Modal tambahan	2 000
Untung bersih	5 040
Ambilan	1 200

Berapakah modal akhir Kedai Raveen? [2 markah]

9. Maklumat yang berikut diambil daripada buku peniaga Zalina.

	RM
Gaji belum bayar pada 1 Januari 2020	1 000
Gaji belum bayar pada 31 Disember 2020	2 000
Gaji yang telah dibayar sepanjang tahun 2020	11 000

Hitung gaji sebenar dalam tahun 2020. [2 markah]

10. Maklumat yang berikut diambil daripada buku-buku akaun Kedai Runcit Vino yang tidak menyimpan rekod mengikut sistem catatan bergu.

	RM
Modal pada 31 Disember 2019	52 700
Ambilan	1 300
Untung bersih	7 400

Hitung modal awal Kedai Runcit Vino. [2 markah]

PERAKAUNAN UNTUK KAWALAN DALAMAN

PENYATA PENYESUAIAN BANK

1. Berikut adalah Penyata Penyesuaian Bank Perniagaan Yummy pada 31 Ogos 2022.

Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Ogos 2022	
	RM
P	(1000)
Tambah Deposit belum dikreditkan : Erica	4000
	3000
Tolak Cek belum dikemukakan : Amira	(2800)
Q	200

Apakah P dan Q?

[2 markah]

2. Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat ABC Sdn Bhd.

	RM
Baki Buku Tunai (Overdraf)	10460
Cek belum dikemukakan	2550
Deposit belum dikreditkan	1230

Berapakah baki akhir Penyata Bank?

[2 markah]

3. Situasi berikut berlaku dalam Perniagaan Maniam.

Sekeping cek untuk bayaran promosi bernilai RM1200 yang dibayar oleh bank tersilap catat sebagai RM 1020 dalam Buku Tunai.

Apakah kesan kesilapan tersebut ke atas baki bank?

[2 markah]

4. Maklumat berikut didapati dalam Penyata Penyesuaian Bank pada 30 Jun 2022.

	RM
Baki debit di Buku Tunai	2580
Baki kredit di Penyata Bank	830
Cek Belum Dikemukakan	250
Deposit Belum Dikreditkan	X

Berapakah nilai X?

[2 markah]

5. Pada 30 April 2022, Buku Tunai Kedai Sunshine menunjukkan baki kredit RM120. Berdasarkan maklumat berikut, hitungkan baki akhir dalam Penyata Bank bagi bulan April.

	RM
Cek Belum Dikemukakan	720
Deposit Belum Dikreditkan	180

[2 markah]

6. Buku Tunai menunjukkan overdraf bank berjumlah RM8200 pada 31 Jan 2022 manakala Penyata Bank menunjukkan baki yang berbeza.

Perkara-perkara berikut telah dikenal pasti:-

- i Akaun Bank telah didebitkan dengan caj bank RM15
- ii Penyata Bank yang diterima menunjukkan bayaran cek kepada Pembekal Arun RM580 manakala direkod sebagai RM850 dalam Buku Tunai.

Berapakah baki Buku Tunai dikemaskini?

[2 markah]

7. Berikut ialah butiran yang berkaitan dengan Kedai Husna

Cek belum dikemukakan	RM 650
Cek belum dikreditkan	RM 320

Pada 31 Disember 2021, Buku Tunai Kedai Husna menunjukkan baki debit RM2 460. Berapakah baki akhir bulan Disember di Penyata Bank?

[2 markah]

8. Apakah tujuan Penyata Penyesuaian Bank disediakan?

- a) _____
- b) _____

[2 markah]

9. Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Razali.

	RM
Baki kredit di Buku Tunai	420
Deposit belum dikreditkan	900
Cek belum dikemukakan	2 500
Dividen	600
Buku Cek	30

Hitung baki dalam Penyata Bank Perniagaan Razali.

[2 markah]

10. Bagaimanakah Penyata Bank dapat membantu dalam perniagaan?

- a) _____
- b) _____

[2 markah]

BELANJAWAN TUNAI

1. Kedai Perabot Lim memohon pinjaman daripada Bank CIMM Berhad sebanyak RM150 000 dengan kadar faedah 3% setahun selama 5 tahun. Hitungkan bayaran bulanan yang perlu dijelaskan oleh Kedai Perabot Lim jika pinjaman diluluskan. [2 markah]

2. Maklumat berikut menunjukkan anggaran belian bagi Perusahaan John untuk tiga bulan berakhir 30 Jun 2023.

Bulan	Anggaran Belian (RM)
April	10 000
Mei	8 000
Jun	5 000

50% daripada belian bagi setiap bulan akan dibayar tunai dan baki diberi tempoh kredit sebulan. Hitung anggaran tunai yang dibayar pada bulan April 2020.

[2 markah]

3. Belanjawan Tunai berikut diambil daripada sebuah perniagaan.

Belanjawan Tunai bagi dua bulan berakhir 31 Julai 2023

Butir	Mei	Jun	Julai
Baki b/b	4 000	xxx	
<u>PENERIMAAN</u>			
Jualan	10 000	12 000	
JUMLAH PENERIMAAN	10 000	12 000	
<u>Pembayaran</u>			
Belian	5 000	9 000	
Gaji	1 000	1 500	
JUMLAH PEMBAYARAN	6 000		
Lebihan/Kurangan	Q		
Baki h/b			

Berapakah nilai Q?

[2 markah]

4. Maklumat di bawah ini diperolehi daripada Perniagaan Alimah.

- Belian tunai pada bulan Mac 2023 berjumlah RM10 000.
- Belian tunai bulan berikutnya bertambah 10% daripada bulan yang sebelumnya.

Hitung jumlah belian tunai untuk bulan Mac hingga April 2023.

[2 markah]

5. Maklumat berikut diperoleh daripada Belanjawan Tunai Perniagaan Puteri bagi tiga bulan berakhir 31 Mei 2023.

	RM
Baki awal tunai	6 000
Jumlah penerimaan tunai	45 000
Jumlah pembayaran tunai	20 000

Hitungkan lebihan atau kekurangan tunai.

[2 markah]

6. Maklumat berikut diperoleh daripada Belanjawan Tunai Perniagaan Summer bagi tiga bulan berakhir 30 Oktober 2022.

Jualan bulan Julai adalah RM20 000. hasil jualan dijangka meningkat sebanyak 10 % daripada bulan sebelumnya.

Hitung jualan pada bulan Oktober 2022.

[2 markah]

7. Petikan Belanjawan Tunai berikut diperoleh daripada Perniagaan Hassan.

Butir	Januari	Februari	Mac
	RM	RM	RM
Baki b/b	800	?	?
<u>Penerimaan</u>			
Jualan	2 600	2 700	1 900
Komisen	400	250	500
<u>Pembayaran</u>			
Sewa	800	300	400
Belian	2000	1800	1 200

Berapakah baki awal bulan Mac?

[2 markah]

8. Anggaran belian berikut dimiliki oleh Perniagaan Wawasan.

	RM
Januari	1 800
Februari	2 000
Maklumat Tambahan	
60% daripada belian adalah secara tunai dan bakinya dibayar pada bulan berikutnya	

Berapakah pembayaran tunai pada bulan Februari?

[2 markah]

9. Puan Suraya bercadang memulakan projek tanaman limau bali pada Januari 2023.
Maklumat berikut diperolehi daripada belanjawan tunai beliau.

	RM
Modal :	
Tunai di bank	60 000
Peralatan	28 000
Jumlah Penerimaan	87 000
Jumlah Pembayaran	52 000
Lebihan / (Kurangan)	35 000

Berapakah baki akhir bulan Januari 2023?

[2 markah]

10. Maklumat berikut diperolehi daripada ringkasan Belanjawan Tunai Perniagaan Eisyia.

	Feb RM	Mac RM	April RM
Jumlah Penerimaan	30 000	12 000	27 000
Jumlah Pembayaran	12 000	8 000	25 000
Baki akhir	18 000	P	Q

Berapakah nilai **Q**?

[2 markah]

PERAKAUNAN UNTUK PERKONGSIAN

PERKONGSIAN

1. Sekiranya tiada Perjanjian Perkongsian antara rakan kongsi maka Akta Perkongsian 1961 adalah terpakai. Nyatakan **dua** peruntukan yang terkandung dalam akta berkenaan. [2 markah]
2. Pada 1 Januari 2021, Akaun Modal Zayyan mempunyai baki RM 30 000. Perkongsian akan dibayar Faedah atas Modal pada kadar 5% setahun. Tahun kewangan berakhir 31 Disember setiap tahun. Kira Faedah atas Modal Zayyan. [2 markah]
3. Zamir mengambil alih pinjaman bernilai RM 6 000 apabila perkongsiannya dibubarkan. Rekodkan urus niaga tersebut di dalam Jurnal Am.

JURNAL AM

BUTIR	FOLIO	DEBIT (RM)	KREDIT (RM)

[2 markah]

4. Adi dan Amran adalah Pekongsi dalam Perkongsian ADAM. Maklumat Berikut berkaitan ambilan yang dibuat oleh Pekongsi. Faedah atas Ambilan dikenakan kepada pekongsi adalah 6 % setahun.

	1 Julai 2022	1 Oktober 2022
Adi	RM 2 000	
Amran		RM 1 800

Kira Faedah atas ambilan kedua-dua pekongsi bagi tahun berakhir 30 Jun 2023. [2 Markah]

5. Maria dan Mariza adalah Pekongsi dalam Perkongsia MAMA. Maklumat Berikut berkaitan Modal yang diberikan oleh Pekongsi. Faedah atas Modal diberikan kepada pekongsi adalah 5 % setahun.

	RM
Modal Maria	20 000
Moadal Mariza	50 000

Kira Faedah atas Modal kedua-dua pekongsi bagi tahun berakhir 30 Jun 2023. [2 Markah]

6. Berikut adalah penyediaan akaun modal pekongsi mengikut kaedah modal tetap.

Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	Jumlah
2021		RM	2021		RM
Dis 31	Baki h/b	31 000	Jan 1	Baki b/b	20 000
	Y	4000		X	5 000
		35 000			35 000
			2022		
			Jan 1	Baki h/b	35 000

Apakah butir **X dan Y**?

[2 Markah]

7. Perkongsian Mar dan Diana memberikan maklumat berikut pada 30 Jun 2023.

	RM
Untung Bersih	50 000
Faedah atas ambilan	1 000
Faedah atas modal	20 000
Gaji pekongsi	5 500

Hitungkan bahagian untung setiap pekongsi jika untung dan rugi perkongsian dibahagi secara sama rata? [2 Markah]

8. Maklumat berikut diperoleh daripada Perkongsian AQ yang dimiliki oleh Alea Nabila dan Farisya Qistina.

	RM
Untung bersih	29 500
Faedah atas modal	5 500
Faedah atas ambilan	4 200
Untung rugi dibahagi mengikut nisbah 4 : 1	

Hitungkan kongsi untung yang diperoleh oleh Alea Nabila? [2 markah]

9. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perkongsian Imran Raha

	RM
Untung bersih	16 000
Ambilan	5 000
Faedah atas modal	2 000
Faedah atas ambilan	500
Gaji Imran	5 000

Untung atau rugi perkongsian dibahagi antara Imran dan Raha mengikut nisbah 3:2.
Hitungkan jumlah kongsi untung Raha yang akan dipindahkan ke Akaun Semasa?

[2 Markah]

10. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Pekongsi Ali Baba

Modal Ali	RM 20 000
Modal Baba	RM 30 000

Maklumat tambahan:-

- i) Faedah atas modal dibenarkan sebanyak 5% setahun
- ii) Baba membawa masuk modal tambahan pada 1 April 2022 sebanyak RM 10 000

Berapakah jumlah faedah atas modal bagi rakan kongsi Baba pada tahun berakhir 31 Disember 2022

[2 markah]

PEMBUBARAN PERKONGSIAN

1. Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan sebuah perkongsian.

	RM
Jumlah aset	180 000
Jumlah liabiliti	30 000

Semasa pembubaran, semua aset dijual pada harga RM170 000. Belanja realisasi RM3 000 dan liabiliti dijelaskan sepenuhnya. Berapakah rugi realisasi?

[2 markah]

2. Akaun Modal berikut disediakan semasa pembubaran sebuah perkongsian;

Akaun Modal							
Butir		Kelly RM	Dolly RM	Butir		Kelly RM	Dolly RM
Baki	b/b	300		Baki	b/b		300
Realisasi		400		Akaun Belum Bayar		100	
Bank			500	Q		50	200
				R		550	
		700	500			700	500

[2 Markah]

Apakah **Q** dan **R**?

Q _____

R _____

3. Maklumat berikut diperoleh daripada buku sebuah perkongsian.

	RM
Jumlah aset	45 000
Jumlah liabiliti	8 400

Semasa pembubaran, semua aset dijual pada harga RM42 000. Belanja realisasi RM850 dan liabiliti dijelaskan sepenuhnya. Berapakah rugi realisasi?

[2 Markah]

4. Pernyataan dibawah berkaitan pembubaran perkongsian. Susunkan pernyataan dibawah mengikut urutan yang betul dengan menulis 1, 2, 3, dan 4 pada kotak disediakan berkaitan tatacara pembubaran perkongsian.

(a)	Perkongsian membayar kepada pekongsi atau pekongsi membayar kepada perkongsian mengikut baki dalam Akaun Modal dan Akaun Semasa.	
(b)	Membatalkan nama perkongsian di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).	
(c)	Menjelaskan semua liability perniagaan.	
(d)	Menutup semua Akaun Aset kecuali Akaun Bank dan Akaun Tunai (aset perlu dijual atau diambil alih oleh pekongsi).	

[2 Markah]

5. Penyataan berikut ialah urus niaga yang telah dilakukan semasa proses pembubaran pada 31 Mei 2022.

Kenderaan bernilai RM12 800 diambil alih oleh pekongsi Jamal.

Tunjukkan catatan Jurnal Am untuk merekod urus niaga tersebut. Keterangan tidak diperlukan.

Tarikh	Butiran	Folio	Debit	Kredit
			RM	RM

[2 Markah]

6. Penyataan berikut ialah urus niaga yang telah dilakukan semasa proses pembubaran.

“Pekongsi Danial telah mengambil alih inventori bernilai RM15 200 pada nilai RM14 200.”

Rekodkan urusniaga tersebut dalam Jurnal Am. Keterangan tidak diperlukan.

Jurnal Am

Tarikh	Butiran	Folio	Debit	Kredit
			RM	RM

[2 Markah]

7. Berikut ialah catatan jurnal untuk merekod pembubaran perkongsian.

Jurnal Am

Tarikh	Butiran	Folio	Debit	Kredit
2022 Mei 17	X		RM 1 200	RM
	Y (Menerima pembayaran daripada Akaun Belum Terima)			1 200

Nyatakan akaun **X** dan akaun **Y**.

[2 Markah]

8. Butiran berikut diambil daripada rekod perakaunan Perkongsian Amira dan Bayu pada tarikh pembubaran.

	RM
Jumlah Aset	45 600
Jumlah Liabiliti	14 300
Nilai aset direalis	62 200
Belanja realisasi	450

Hitung untung atau rugi realisasi

[2 Markah]

9. Pada 1 Jun 2022, Akaun Modal Zafran mempunyai baki kredit sebanyak RM 10 600. Perkongsian Zafran dan Zahin bersetuju membubarkan perkongsian pada 31 Mei 2022.

Mereka bersetuju bahawa Zafran akan membayar pinjaman bank sebanyak RM 12 000 dan menanggung kerugian realisasi berjumlah RM 6 600.

Hitungkan bayaran balik modal yang akan diterima Zafran.

[2 markah]

10. Maklumat aset berikut diperoleh daripada Penyata kedudukan Kewangan sebuah Perkongsian iaitu pekongsi Azrul dan Badrul.

	RM
Lengkapan	7 500
Kenderaan	11 000
Inventori	9 000

Aset- aset telah di jual dengan harga berikut

	RM
Lengkapan	7 000
Kenderaan	10 000
Inventori	8 000

Belanja realisasi adalah sebanyak RM500 dan utung atau rugi dibahagi sama rata. Anda dikehendaki menyediakan akaun realisasi dan imbangkannya.

Akaun Realisasi

PERAKAUNAN UNTUK SYARIKAT BERHAD MENURUT SYER

1. Berikut maklumat modal berdaftar yang diperoleh daripada Zikry Muslim Berhad.

500 000 unit 8% Syer Keutamaan RM1 000 000 1 000 000 unit Syer Biasa RM2 000 000

Pada 1 Januari 2017, syarikat telah menerbitkan 450 000 unit 8% Syer Keutamaan dan 700 000 unit Syer Biasa pada nilai tara kepada orang awam. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh.

Anda dikehendaki menghitung modal diterbitkan dan berbayar penuh. [2 markah]

2. Modal berdaftar Syarikat Berjaya Berhad terdiri daripada 700 000 unit saham biasa bernilai RM1 sesaham.

Lembaga pengarah syarikat telah menerbitkan sebanyak 300 000 unit saham biasa kepada orang ramai.

Tunjukkan catatan Jurnal Am bagi terbitan saham tersebut. [2 markah]

3. Pada 1 Julai 2019, Syarikat MHQ Berhad telah menerbitkan 2 000 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM1 sesyer dan 5 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM0.50 sesyer. Semua syer telah dilanggan penuh. Pada tahun kewangan berakhir 30 Jun 2020, syarikat telah mengumumkan keuntungan sebanyak RM200 000.

Hitungkan dividen untuk pemegang Syer Keutamaan dan pemegang syer biasa (jika ada). [2 markah]

4. Syarikat MRC Berhad telah menerbitkan 200 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM1.00 sesyer dan 600 000 unit syer biasa pada harga RM0.50 sesyer. Semua syer yang telah diterbitkan telah dilanggan dan dibayar penuh.

Hitungkan modal diterbitkan dan berbayar penuh. [2 markah]

5. Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Berjaya Berhad.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Modal berbayar pada 31 Januari 2020 terdiri 200 000 unit 6% Syer Keutamaan bernilai RM1.50 sesyer.• Pada 1 Julai 2020, syarikat telah memutuskan untuk membayar dividen 6% kepada pemegang Syer Keutamaan.• Tempoh perakaunan syarikat berakhir 31 Disember setiap tahun. |
|---|

Kirakan dividen interim. [2 markah]

6. Maklumat yang berikut berkaitan dengan syer yang diterbitkan oleh dua buah syarikat berhad.

Nama syarikat	Modal Diterbitkan (unit)	Harga sesyer (RM)
Syarikat Bilion Berhad	2 000 000 syer biasa	1.50
Syarikat Prima Berhad	3 000 000 5% syer keutamaan	2.00

Hitung modal diterbitkan dan berbayar bagi setiap syarikat [2 markah]

7. Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Sihat Berhad pada Januari 2021.

Modal diterbitkan dan berbayar penuh
200 000 unit 10% Syer Keutamaan RM1.00 sesyer
300 000 unit Syer Biasa RM1.50 sesyer

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2021, Lembaga pengarah telah mengisytiharkan dividen kepada pemegang Syer Keutamaan dan 6% dividen untuk Syer Biasa.

Kirakan dividen Syer Keutamaan dan Syer Biasa [2 markah]

8. Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Cagamas Berhad.

Modal diterbitkan dan berbayar penuh	
300 000 unit 8% Syer Keutamaan	RM450 000
550 000 unit Syer Biasa	RM550 000

Bagi akhir tahun kewangan, Lembaga Pengarah bersetuju mengisytiharkan pembayaran dividen kepada pemegang Syer Keutamaan dan 5% kepada pemegang Syer Biasa.

Hitung jumlah dividen akhir [2 markah]

9. Maklumat berikut berkaitan modal diterbit dan berbayar penuh Yakin Juara Berhad

5 000 000 unit syer biasa	RM2 500 000
2 500 000 unit 6% syer keutamaan	RM5 000 000

Lembaga Pengarah mengisytiharkan dividen syer keutamaan dan 2 sen persyer kepada pemegang syer biasa.

- (i) Hitung dividen syer keutamaan [1 markah]
(ii) Hitung dividen syer biasa [1 markah]

10. Jurnal Am berikut diperoleh daripada Syarikat Merpati Berhad

Tarikh	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
2022 Jan 1	Permohonan Syer Biasa Modal Syer Biasa (Merekod terbitan syer biasa)	2 000 000	2 000 000

Pindahkan catatan tersebut ke dalam lejar yang berkaitan. [2 markah]

PERAKAUNAN UNTUK KELAB DAN PERSATUAN

1. Maklumat di bawah diperoleh daripada Kelab Pingpong Taman Sejahtera.

	RM
Kutipan daripada Pertandingan Ping Pong	2 900
Hadiah Pertandingan Ping Pong	1 200
Sagu hati pengadil	350

Berapakah untung yang diperoleh daripada Pertandingan Ping Pong yang dianjurkan?

[2 markah]

2. Kelab Usahawan Merdeka mempunyai aset berjumlah RM63 500 dan liabilitinya berjumlah RM24 800. Berapakah Dana Terkumpul kelab tersebut?

[2 markah]

3. Maklumat berikut diambil daripada buku-buku Kelab Ping Pong Juara.

1 Januari 2022	RM	31 Disember 2022	RM
Yuran belum terima	1 100	Yuran belum terima	400
Yuran belum terperoleh	1 200	Yuran belum terperoleh	900

Yuran yang diterima sepanjang tahun 2022 berjumlah RM64 800. Hitung pendapatan yuran dalam tahun 2022.

[2 markah]

4. Maklumat berikut diperoleh daripada buku perakaunan Kelab Pencinta Alam.

	RM
Baki tunai di bank pada 1 Januari 2020	14 200
Jumlah penerimaan tunai	9 200
Jumlah pembayatan tunai	8 600

Berapakah baki akhir tunai di bank pada 31 Disember 2020?

[2 markah]

5. Kelab Bola Sepak Berjaya telah ditubuhkan pada 1 Januari 2019. Yuran tahunan setiap ahli ialah RM100. Sehingga Disember 2019, seramai 200 orang ahli telah berdaftar.

- (i) 180 orang ahli telah menjelaskan yuran tahunan sebanyak RM100 setiap ahli.
(ii) 20 orang ahli masih belum menjelaskan yuran tahun 2019.

Anda dikehendaki mengira:

- (a) Yuran Ahli yang telah diterima
(b) Yuran Belum Terima tahun 2019
(c) Yuran Tahunan

[3 markah]

6. Kelab Renang Superstar mempunyai 150 orang ahli pada 31 Disember 2022. Yuran tahunan sebanyak RM35 seorang. Yuran yang diterima untuk sepanjang tahun 2022 adalah sebanyak RM5 590.

Akaun Yuran pada 31 Disember 2016 adalah seperti di bawah :

Akaun Yuran					
		2022		2022	
		RM		RM	
Jan 1	Yuran Belum Terima	105	Jan 1	Yuran Belum Terperoleh	185
Dis 31	Pendapatan dan Perbelanjaan	?	Dis 31	Bank	?
	Yuran Belum Terperoleh	<u>630</u>		Yuran Belum Terima	<u>230</u>

Lengkapkan Akaun Yuran kelab berkenaan.

[2 markah]

7. Maklumat berikut diperolehi daripada Kelab Bola Tampar Jaya

	1 April 2021	31 Mac 2022
	RM	RM
Yuran Belum Terima	320	375
Yuran Belum Terperoleh	165	270

Yuran yang diterima sepanjang tahun ialah RM3 250

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Yuran bagi tahun berakhir 31 Mac 2022

[2 markah]

8. Maklumat berikut diambil daripada Kelab Yoga Gaya pada 31 Disember 2022.

Jumlah ahli : 200 orang
Yuran tahunan : RM360 seorang
Jumlah yuran diterima (termasuk yuran 5 orang ahli bagi tahun 2021) RM64 800

Hitungkan Yuran Belum Terima bagi tahun berakhir 31 Disember 2022

[2 markah]

9. Maklumat berikut diperolehi daripada Buku Tunai Kelab Tarian Inang pada 31 Julai 2022.

	RM
Yuran Ahli	240
Belanja Runcit	90
Kadar Bayaran	120
Bayaran Masuk	180

Hitungkan baki akhir Tunai.

[2 markah]

10. Berikut merupakan data yang diperoleh daripada Kelab Renang Cergas.

	RM
Inventori restoran 1 Jan 2022	8 875
Inventori restoran 31 Dis 2022	21 875
Jualan	43 800
Belian	20 300
Upah restoran	6 250

Berapakah untung minuman bagi kelab tersebut?

[2 markah]

PERAKAUNAN KOS

AKAUN PENGELUARAN

1. Kelaskan belanja berikut kepada komponen kos pengeluaran bagi sebuah kilang biskut:

Kos	komponen kos pengeluaran
(i) Gaji kerani kilang	
(ii) Kos belian tepung	

[2 markah]

2. Data berikut ialah maklumat yang diperoleh daripada Kilang Biskut Him.

	RM
Bahan langsung	26 550
Buruh langsung	32 310
Kos overhead	8 800
Kerja dalam proses awal	3 480
Kerja dalam proses akhir	2 670

Hitungkan kos pengeluaran

[2 markah]

3. Maklumat berikut menunjukkan kos yang terlibat bagi Kilang Kasut Hasif.

	RM
Buruh langsung	2 400
Angkutan masuk bahan langsung	500
Inventori awal bahan langsung	2 210
Inventori akhir bahan langsung	1 980
Belian bahan langsung	21 820

Hitung kos prima

[2 markah]

4. Maklumat berikut diperoleh daripada Batrisyia Enterprise bagi tahun berakhir 31 Ogos 2022.

	RM
Bahan langsung	58 000
Upah buruh lansung	22 540
Gaji pengurus kilang	7 800
Insurans kilang	1 690
Kadar bayaran kilang	1 530

Berapakah jumlah kos prima bagi Batrisyia Enterprise?

[2 markah]

5. Maklumat berikut berkaitan dengan insurans yang dibayar oleh Kilang Hup Seng.

Insurans	RM 4 000
----------	----------

Maklumat tambahan:

Insurans perlu dibahagikan kepada kilang dan pejabat dalam nisbah 3:2.

Berapakah jumlah insurans yang akan direkodkan dalam Akaun Pengeluaran? [2 markah]

6. Maklumat di bawah berkaitan dengan alat-alat kecil yang diambil daripada buku Kilang Maisarah.

	RM
Baki alat-alat kecil pada 1 Januari 2022	750
Belian alat-alat kecil	1 4000
Baki alat-alat kecil pada 31 Disember 2022	690

Berapakah belanja alat-alat kecil yang akan direkodkan di dalam Akaun Pengeluaran?

Soalan 17 dan 18 berdasarkan maklumat di bawah.

Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Maju Jaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

	RM
Inventori 1 Januari 2020:	
Bahan mentah	2 540
Kerja dalam proses	2 920
Belian bahan mentah	20 880
Pulangan belian bahan mentah	1 230
Cukai atas belian bahan mentah	1 410
Angkutan masuk bahan mentah	560
Buruh langsung	9 980
Buruh tak langsung	2 270
Overhed kilang	6 230
Inventori pada 31 Disember 2020:	
Bahan mentah	1 240
Kerja dalam proses	2 360

7. Menghitung Kos Bahan Langsung [2 markah]

8. Menghitung Kos Overhed [2 markah]

9. Maklumat berikut diperolehi daripada Kilang Keropok Sahabat.

	RM
Gaji pekerja pengeluaran	22 850
Kos bahan mentah	32 450
Susut nilai mesin	12 620
Barang siap	28 730

Berapakah jumlah kos pengeluaran?

[2 markah]

10. Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan sebuah firma pengeluaran kasut di Seremban pada 30 Jun 2022.

	RM
Jentera kilang	56 000
Insurans kilang	3 450
Gaji operator jentera kilang	4 800
Sewa kilang	8 250
Kadar bayaran kilang	1 230

Maklumat tambahan:

- (i) Jentera kilang disusutnilaikan pada kadar 12% setahun atas kos.
- (ii) Insurans kilang prabayar RM 690.
- (iii) Sewa kilang belum bayar RM 750.

Berapakah kos overhead?

[2 markah]

ANALISIS TITIK PULANG MODAL

1. Maklumat berikut diperoleh daripada Kilang Lunas.

Kos tetap	RM 1 000
Harga jualan seunit	RM 6
Kos berubah	RM 3 seunit

Berapakah Titik Pulang Modal?

[2 markah]

2. Suri menjual air tebu dengan harga RM3.00 sebotol. Maklumat yang berikut berkaitan dengan kos pengeluaran air tebu tersebut.

Kos tetap	RM 10 000
Kos berubah Sebotol	RM 1.75

Berapakah unit pengeluaran yang perlu dikeluarkan oleh Firma Suriati untuk mencapai untung sasaran RM8 000

[2 markah]

3. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Batik Biru pada 31 Mei 2022.

Sewa kilang	RM 3000
Gaji penyelia kilang	RM 1500
Harga jualan seunit	RM 250
Kos berubah seunit	RM 150

Berapakah titik pulang modal dalam unit bagi perniagaan berkenaan?

[2 markah]

4. Maklumat berikut diperoleh daripada Kilang Kerepek Mija.

Kos tetap	RM 1 000
Kos berubah seunit	RM 3
Titik Pulang Modal	500 unit

Berapakah harga jualan seunit?

[2 markah]

5. Kilang Kek Pelangi telah mengeluarkan kek coklat yang dijual di pasaran dengan harga RM15 sebiji. Kos yang terlibat dalam pengeluaran kerepek tersebut adalah seperti berikut:

Kos tetap	RM 10 000
Kos berubah	RM 8
Jumlah pengeluaran	8000 biji

Berapakah untung sasaran yang diperoleh Kilang Kek Pelangi?

[2 markah]

6. Kelab Pengguna sekolah anda berhasrat menjual minuman float dengan harga RM3.00 secawan sempena hari kantin sekolah. Kos yang terlibat ialah seperti berikut:

Sewa tapak	RM60
Kos secawan minuman float	RM1.50

Berapakah bilangan cawan minuman float yang perlu dijual untuk mendapat keuntungan sebanyak RM300?

[2 markah]

7. Berdasarkan maklumat di bawah, kirakan margin caruman seunit.

Harga Jualan	RM13
Kos bahan langsung	RM8
Sewa Gerai	RM7000

[2 markah]

8. Maklumat di bawah diperolehi daripada sebuah kilang biskut.

Kos berubah seunit	RM1.50
Kos tetap	RM32 000
Harga jualan seunit	RM3.50

Maklumat tambahan:-

Kos Tetap dianggarkan meningkat kepada RM36 000

Anda dikehendaki menghitung:

- (i) Margin Caruman Seunit
- (ii) Titik Pulang Modal dalam unit.
- (iii) Titik Pulang Modal dalam RM.

[2 markah]

[2 markah]

[2 markah]

9. Maklumat berikut merujuk kepada pengeluaran kayu hoki oleh Perusahaan Zed Woodcraft.

Harga jualan seunit	RM 200
Kos berubah seunit	RM 80
Kos tetap	RM 10 000

Berapakah jumlah kayu hoki yang perlu dikeluarkan untuk mendapat untung sebanyak RM 20 000?

10. Maklumat berikut adalah berkaitan dengan pengeluaran sarung tangan sukan.

	RM
Kos Tetap	50 000
Kos Berubah Seunit	6.00
Harga Jualan Seunit	9.00

Kira Margin Caruman Seunit bagi sarung tangan sukan.

[2 markah]



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA
Pejabat Pendidikan Daerah Seremban

MOCAS 2023

Modul Cemerlang Akaun Seremban

SOALAN ARAS SEDERHANA & TINGGI

ALISIS DAN TAFSIRAN PENYATA KEWANGAN UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN

Soalan 1

Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Sinar Omega dan Kedai Alpha yang membekalkan produk kosmetik wanita.

Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Julai 2023

	Sinar Omega		Kedai Alpha	
	RM	RM	RM	RM
Jualan		160 000		130 000
Tolak: Pulangan Jualan		(5 000)		(2 000)
		155 000		128 000
Tolak : Kos Jualan				
Inventori Awal	25 000		23 000	
Belian	120 000		100 000	
	145 000		123 000	
Tolak: Inventori Akhir	(30 000)		(25 000)	
Kos Jualan		(115 000)		(98 000)
Untung Kasar		40 000		30 000
Tolak : Belanja		(12 000)		(8 000)
Untung bersih		28 000		22 000

Maklumat tambahan:

	Sinar Omega	Kedai Alpha
	RM	RM
Aset semasa	90 000	60 000
Modal kerja	5 000	12 000
Modal pada 31 Julai 2023	250 000	225 000

- (a) Anda dikehendaki menghitung nisbah berikut bagi perniagaan Sinar Omega dan Kedai Alpha (Berikan jawapan pada dua tempat perpuluhan).
- Tokokan [4 markah]
 - Margin untung bersih [4 markah]
 - Nisbah semasa [4 markah]
 - Pulangan atas modal [4 markah]
- (b) Perniagaan manakah yang mampu menjelaskan hutang jangka pendek dengan lebih baik. Berikan alasan anda. [2 markah]
- (c) Nyatakan perniagaan yang menawarkan pelaburan terbaik? Berikan alasan anda. [2 markah]

Soalan 2

Berikut adalah senarai baki-baki akaun Tata Enterprise bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 dan 2021.

	2020	2021
	RM	RM
Jualan	62 348	71 332
Untung kasar	27 400	32 100
Jumlah hasil	3 000	3 000
Jumlah belanja	9 480	11 720
Inventori pada 1 Januari	12 450	15 330
Bank	26 400	28 700
Akaun Belum Terima	8 340	7 800
Akaun Belum Bayar	6 720	5 750
Modal pada 1 Januari	50 000	60 000
Inventori pada 31 Disember	15 530	16 550

Anda dikehendaki :

- | | |
|--|------------|
| (a) menghitung bagi tahun 2020 dan 2021 | |
| (i) Untung bersih | [4 markah] |
| (ii) Tokokan | [4 markah] |
| (iii) Pulangan atas modal | [4 markah] |
| (iv) Nisbah semasa | [4 markah] |
| (b) mentafsir jawapan (a)(iv) bagi tahun 2021 | [2 markah] |
| (c) menentukan tahun yang lebih menguntungkan dan nyatakan alasan anda | [2 markah] |

Soalan 3

Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Oyen Trading dan Belang Trading pada 30 Jun 2022.

Oyen Trading

	RM
Jualan	200 000
Belian	152 000
Inventori pada 1 Julai 2021	36 000
Inventori pada 30 Jun 2022	28 000
Kos Jualan	160 000
Belanja	6 000
Untung Bersih	34 000
Akaun Belum Terima	49 315
Tunai	750
Overdraf Bank	2 095
Insurans Prabayar	600
Akaun Belum Bayar	20 411
Pinjaman (matang pada 1 April 2024)	6 000
Modal pada 1 Julai 2021	425 000

Nota : semua urusan belian dan jualan adalah secara kredit.

Belang Trading

Tokokan	30%
Peratus untung bersih atas jualan	20%
Pulangan atas modal	10%
Nisbah semasa	3 : 1
Kadar pusing ganti inventori	8 kali
Tempoh kutipan hutang	60 hari

a) Anda dikehendaki mengira nisbah berikut untuk Oyen Trading:

- i) Tokokan
- ii) Peratus untung bersih atas jualan
- iii) Pulangan atas modal
- iv) Nisbah semasa
- v) Kadar pusing ganti inventori
- vi) Tempoh kutipan hutang

[12 markah]

b) Bandingkan prestasi Oyen Trading dengan Belang Trading bagi setiap nisbah di 1(a).

[6 markah]

c) Berdasarkan perbandingan prestasi di 1(b), perniagaan manakah yang sesuai untuk dipilih bagi membuat pelaburan? Berikan alasan anda.

[2 markah]

Soalan 4

Maklumat berikut dipetik daripada rekod perakaunan dua buah perniagaan menjual perabot bagi tahun berakhir 31 Mac 2022.

Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2022

	Sikamat Trading	Senawang Trading
	RM	RM
Jualan	139 825	148 950
<i>Tolak</i> : Kos Jualan	(50 337)	(59 580)
Untung Kasar	89 488	89 370
<i>Tolak</i> : Belanja	(19 575)	(17 874)
Untung Bersih	69 913	71 496

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2022

	Sikamat Trading		Senawang Trading	
	RM	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa (nilai buku)		248 897		257 356
Aset Semasa				
Akaun Belum Terima	5 800		24 600	
Inventori	31 900		8 200	
Bank	13 100		9 600	
	50800		42 400	
Liabiliti Semasa				
Akaun Belum Bayar	49 784		28 260	
Modal Kerja		1 016		14 140
		249 913		271 496
Ekuiti Pemilik				
Modal Awal		180 000		200 000
<i>Tambah</i> : Untung Bersih		69 913		71 496
		249 913		271 496

a) Anda dikehendaki menghitung perkara berikut bagi Sikamat Trading dan Senawang Trading.

- i) Peratus untung kasar atas jualan
- ii) Peratus untung bersih atas jualan
- iii) Pulangan atas modal
- iv) Nisbah semasa

[16 markah]

b) Nyatakan perniagaan manakah yang menawarkan pelaburan terbaik. Beri **satu** alasan.

[2 markah]

c) Perniagaan manakah yang mempunyai kedudukan kewangan yang stabil dalam jangka masa pendek? Beri **satu** alasan.

[2 markah]

REKOD TAK LENGKAP

Soalan 1

Encik Abu Bakar menjalankan perniagaan alat tulis di Batu Pahat, Johor. Beliau menyimpan rekod perakaunan dengan tidak mengikut sistem catatan bergu. Berikut ialah maklumat kewangan perniagaan Encik Abu Bakar pada 31 Mei 2023.

	1 Jun 2022	31 Mei 2023
	RM	RM
Modal	507 200	?
Kenderaan	200 000	200 000
Perabot	74 560	?
Akaun Belum Terima	124 800	114 560
Bank	82 840	65 480
Inventori	96 800	125 920
Akaun Belum Bayar	70 800	54 120
Insurans Prabayar	-	960

Maklumat Tambahan:

- i. Invois yang diterima bernilai RM3 200 belum lagi diambil kira dalam jumlah Akaun Belum Bayar.
- ii. Pada tahun ini, beliau telah mengambil barang niaga RM1 600 setiap bulan untuk kegunaan keluarga.
- iii. Pada 1 Januari 2023, Encik Abu Bakar telah membawa masuk tunai tambahan RM40 000 ke dalam akaun semasa perniagaan.
- iv. Pada 5 Mac 2023, Encik Abu Bakar telah membawa masuk sofa peribadinya bernilai RM10 000 ke dalam perniagaan.
- v. Kenderaan disusutnilaikan 10% setahun.

Anda dikehendaki menyediakan :

- a) Penyata Mengira Modal pada 31 Mei 2023
- b) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mei 2023.

Soalan 2

Puan Fatimah merupakan seorang peniaga yang tidak mengamalkan Sistem Catatan Bergu dalam merekodkan buku akaun perniagaan Baki-baki aset dan liabiliti perniagaannya adalah seperti di bawah.

	1 April 2021	31 Mac 2022
	RM	RM
Tunai	2 580	2 990
Bank	22 130	24 590
Akaun Belum Terima	2 490	3 300
Akaun Belum Bayar	4 480	3 200
Kenderaan	21 400	15 200
Alatan Pejabat	3 200	4 600
Inventori	2 100	3 580
Pinjaman Bank	10 000	10 000

Maklumat Tambahan :

- i. Pemilik menjual van lama yang bernilai RM2 600 dengan cek pada awal bulan April 2021 tetapi tiada catatan dibuat.
- ii. Kedua-dua kenderaan dan alatan pejabat disusutnilaikan mengikut kaedah penilaian semula.
- iii. Pemilik membawa masuk sebuah computer milik anaknya yang bernilai RM1 600 ke dalam perniagaan.
- iv. Ambilan barang niaga oleh pemilik sebanyak RM600 pada setiap tiga bulan.
- v. Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 5% setahun atas Akaun Belum Terima.
- vi. Faedah atas pinjaman bank ialah 8% setahun. Perniagaan masih belum membayar faedah atas pinjaman bank sehingga pada akhir tempoh perakaunan.

Anda dikehendaki menyediakan :

- a) Penyata Mengira Modal Akhir.
- b) Penyata Mengira Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2022.

Soalan 3

Encik Misbun memulakan perniagaan Misbun Enterprise pada 1 Januari 2020 di Senawang, Negeri Sembilan. Rekod perniagaannya disimpan tanpa mengikut sistem catatan bergu. Baki di bawah ini diperoleh daripada buku catatannya:

	1 Januari 2023	31 Disember 2023
	RM	RM
Kenderaan (kos)		27 000
Perabot (kos)	15 400	?
Akaun Belum Terima	12 500	14 580
Bank	9 800	(800)
Inventori	32 450	30 250
Komisen belum diterima	230	-
Akaun Belum Bayar	11 860	13 960
Kadar bayaran belum bayar	420	-
Insurans prabayar	-	300
Susut nilai terkumpul perabot	1 540	?

Maklumat tambahan:

- (i) Pada 1 April 2023, perabot yang bernilai RM2 400 dibawa masuk dari rumah pemilik untuk kegunaan perniagaan. Kadar susut nilai perabot setahun adalah 10% atas kos.
- (ii) Pemilik perniagaan membuat ambilan tunai RM300 setiap bulan dalam tahun kewangan itu.
- (iii) Seorang Akaun Belum Terima diisytiharkan muflis dan hutangnya bernilai RM500 dihapus kira.
- (iv) Peruntukan hutang ragu dianggarkan 5% daripada Akaun Belum Terima bersih
- (v) Invois yang diterima RM530 belum diambil kira dalam jumlah Akaun Belum Bayar
- (vi) Kenderaan perniagaan dibeli pada 1 Julai 2023. Kadar susut nilai kenderaan ialah 10% setahun atas kos

Anda dikehendaki menyediakan:

- | | |
|---|-------------|
| (a) Penyata mengira modal pada 1 Januari 2023 | [3 markah] |
| (b) Penyata mengira modal pada 31 Disember 2023 | [10 markah] |
| (c) Penyata untung rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 | [5 markah] |
| (d) Nyatakan kaedah penentuan pendapatan bagi rekod tak lengkap | [2 markah] |

Soalan 4

Encik Rashid telah menubuhkan Kedai Runcit Kita di Bandar Klang pada 1 Julai 2020. Beliau hanya menggunakan catatan tunggal untuk menyimpan akaunnya.

Encik Rashid meneruskan perniagaan untuk tahun kedua dengan baki aset dan liabiliti seperti berikut:

	30 Jun 2021	30 Jun 2022
	RM	RM
Kenderaan	35 000	31 500
Lengkapan	18 600	19 485
Inventori	3 670	3 485
Inventori alat tulis	15	18
Bank	10 700	?
Tunai	480	?
Akaun Belum Bayar	4 800	3 210
Kadar bayaran belum bayar	245	-
Kadar bayaran prabayar	-	72
Sewa belum bayar	1 500	500

Maklumat berikut diambil dari buku perakaunannya pada 30 Jun 2022:

- (i) Pembayaran yang dilakukan menggunakan wang tunai:

	RM
Alat tulis	78
Angkutan belian	1 470

- (ii) Ringkasan urusanniaga bank:

Akaun Bank			
Penerimaan	RM	Pembayaran	RM
Sewa	600	Sewa	5 000
Lengkapan	1 700	Belian	2 700
Jualan	56 820	Lengkapan	4 320
Pinjaman	35 000	Insurans	1 560
Caj penghantaran	980	Akaun Belum Bayar	19 870
		Promosi	70
		Tunai	500
		Gaji	10 800
		Kadar bayaran	1 630

- (iii) Tin biskut kosong yang telah dicaj dalam invois sebelumnya RM230 telah dipulangkan kepada pembekal.
- (iv) Diskaun tunai RM560 diterima daripada pembekal kerana menjelaskan invois dalam tempoh ditetapkan.
- (v) Ambilan barang niaga RM270 belum direkodkan dalam mana-mana buku
- (vi) Pinjaman berkadar faedah 4% setahun telah diterima pada 1 Januari 2022. Tempoh matang pinjaman adalah pada 31 Disember 2026.
- (vii) Bahagian hadapan ruang kedai telah disewakan kepada peniaga kuih dengan kadar sewa RM60 sebulan.
- (viii) Komisen daripada pembekal kad tambah nilai RM740 belum diterima.
- (ix) Tempahan risalah untuk tujuan promosi kedai bernilai RM110 telah dibayar menggunakan wang peribadi Encik Rashid.
- (x) Insurans yang dibayar adalah untuk tempoh setahun sehingga 30 September 2022.

Anda dikehendaki:

- (a) Menyediakan Akaun Kawalan Belum Bayar [3markah]
- (b) Menyediakan Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2022 [17 markah]

PERAKAUNAN UNTUK KAWALAN DALAMAN

PENYATA PENYESUAIAN BANK

Soalan 1

Perniagaan Warisan telah menerima Penyata Bank untuk bulan Jun 2020 yang menunjukkan baki yang berbeza dengan Buku Tunai.

Berikut adalah Penyata Bank untuk perniagaan tersebut.

MAYBANK BHD					
No.6 Jalan Siram 13000 Butterworth					
PENYATA BANK					
Perniagaan Warisan No 9, Jalan Sinar 13000 Butterworth			No Akaun: 0012311121314 Tarikh : 30 Jun 2021		
Tarikh		No Cek	Debit (RM)	Kredit (RM)	Baki (RM)
2021 Jun 1	Baki b/b				5000
2	Cek	345670	1 300		3 700
3	Cek	345669	1 500		2 200
4	Deposit			800	3 000
5	Buku Cek		30		2 970
7	Deposit			560	3 530
10	Cek	345671	770		2 760
15	Cek	345672	2 000		760
20	Deposit			2 500	3 260
24	Kedai Mawar – Pindahan kredit			300	3 560
26	Cek	345673	2 130		1 430
28	Arahan tetap – Insurans		1 200		230
29	Dividen – Syarikat Hans Bhd			170	400
30	Cek	345676	460		(60)

Buku Tunai (Ruangan Bank)

2021		RM	2021		No Cek	RM
Jun 1	Baki b/b	3 500	Jun 4	Alatan Pejabat	345670	1 300
2	Jualan	800	6	Promosi	345671	770
3	Hafiz Enterprise	650	12	Pemborong Fazlee	345672	2 000
10	Rozita	1 000	20	Belian	345673	2 130
13	Kedai Yuna	2 200	25	Perabot	345674	600
17	Jualan	2 500	29	Gaji	345675	2 900
30	Komisen	460	30	Baki h/b		1 410
		11 110				11 110

Maklumat Tambahan:

- i) Cek daripada Hafiz Enterprise pada 3 Jun 2021 dikenal pasti berlaku kesilapan catatan dalam Buku Tunai.
- ii) Cek yang diterima pada 10 Jun 2021 dipulangkan oleh bank kerana tiada tandatangan Rozita.
- iii) Komisen diberi (cek no. 34576) pada 30 Jun 2021 telah didebitkan dalam Buku Tunai.

Anda dikehendaki menyediakan:

Penyata Penyesuaian Bank pada 30 Jun 2021 dengan memulakan baki di Buku Tunai tidak dikemas kini.

Soalan 2

Penyata bank bulan Mac 2020 yang diterima oleh Perniagaan Permata KU menunjukkan baki yang berbeza dengan baki di Buku Tunai. Berikut ialah Buku Tunai dan penyata bank bagi bulan tersebut.

BANK PERWIRA BHD					
Penyata Bank					
Kepada: Perniagaan Permata KU			No Akaun: 954327621098		
			Tarikh: 31 Mac 2020		
Tarikh	Butir	No Cek	Debit (RM)	Kredit (RM)	Baki (RM)
Mac 1	Baki b/b				620
	Deposit			4 250	4 870
6	Deposit			950	5 820
	Cek	4300	2000		3 820
7	Arahan Tetap – Sewa		880		2 940
12	Deposit			2540	5 480
13	Cek	4301	7130		(1 650)
14	Cek	4297	1690		(3 340)
15	Deposit			1 520	(1 820)
20	Cek	4 302	5500		(7 320)
21	Deposit			2 000	(5 320)
24	Caj bank		60		(5 380)
25	Cek	4 303	4 600		(9 980)
26	Debit terus - Insurans		1 200		(11 180)
31	Dividen - Tamara Bhd			400	(10 780)

Buku Tunai (ruangan bank sahaja)					
Tarikh	Butir	Jumlah	Tarikh	Butir	Jumlah
2020		RM	2020		RM
Mac 1	Baki b/b	3 180	Mac 3	Lengkapan	2 000
3	Jualan	950	10	Belian	7 130
9	Unggul Enterprise	2 540	16	Pemborong Jaya	5 550
13	Jualan	1 520	21	Gedung Anita	4 600
16	Pasar Mini Azizah	2 000	26	Gaji	6 000
27	Kedai Ana Omey	7 332			
29	Wei Wei	580			
31	Baki h/b	7 178			
		25 280			25 280

Maklumat Tambahan

- (i) Cek yang dibankkan pada 27 Mac telah dipulangkan oleh bank dengan catatan “Rujuk Penyuruh Bayar”.
- (ii) Cek bernombor 4302 telah dicatatkan dengan jumlah yang salah dalam Buku Tunai.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Penyesuaian Bank bermula dengan baki Buku Tunai tanpa dikemaskini pada 31 Mac 2020.

Soalan 3

- (a) Buku Tunai Perniagaan Jaya Bhd. menunjukkan baki yang berbeza dengan Penyata Bank pada 31 Mac 2023. Berikut ialah Buku Tunai dan Penyata Bank pada tarikh tersebut.

PUBLIC BANK BHD PENYATA BANK					
PERNIAGAAN JAYA BHD A 44, JALAN WIRA 86000 KLUANG, JOHOR.			No Akaun: 02-202020101-6 Tarikh: 31 Mac 2023		
TARIKH	BUTIR	NO.CEK	DEBIT	KREDIT	BAKI
2023 Mac 1	Baki b/b		RM	RM	RM 4 043
10	Cek	52381	2500		1 543
11	Deposit			900	2 443
11	Deposit			1 325	3 768
12	Cek	52380	500		3 268
13	Cek	52382	740		2 528
14	Cek (rujuk Pesuruh Bayar)		1325		1 203
18	Cek	52383	2 590		1 387(dt)
20	Dividen Syarikat Lee Bhd			600	787(dt)
25	Faedah Simpanan Tetap			343	444(dt)
28	Cek	52385	1 355		1799(dt)
28	Deposit			680	1119(dt)
31	Caj bank		16		1 135(dt)

Buku Tunai (Ruangan bank sahaja)

TARIKH	BUTIR	RM	TARIKH	BUTIR	NO CEK	RM
2023			2023			
Mac 1	Baki b/b	3 543	Mac 6	Belian	52381	2 500
9	Jualan	980	11	Angkutan Maju	52382	740
12	Pan Asia	1 325	14	Lutson	52383	2 590
16	Sumathy	680	25	Rohaida	52385	1 355
20	Kedai HL	1 388	28	Maxis Bhd	52386	180
31	Baki h/b	99	30	Gaji	52387	650
		8 015				8 015
			April 1	Baki b/b		99

Maklumat tambahan:

- Deposit yang diterima pada 9 Mac 2023 dikenalpasti berlaku kesilapan dalam Buku Tunai.

Anda dikehendaki menyediakan :

Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mac 2023 tanpa mengemaskini Buku Tunai

[10 markah]

Soalan 4

Buku Tunai Kedai Aminah menunjukkan baki debit sebanyak RM221 pada 31 Oktober 2023. Baki ini berbeza dengan baki yang ditunjukkan dalam penyata bank pada tarikh yang sama. Setelah meneliti Buku Tunai dan Penyata Bank tersebut, didapati perbezaan disebabkan oleh:

- Sekeping cek berjumlah RM526 yang telah dikeluarkan, belum dikemukakan untuk pembayaran
- Kedai Aminah membayar upah dengan cek bernilai RM270 tetapi direkodkan dalam Buku Tunai sebagai RM207
- Beberapa keping cek berjumlah RM567 diterima daripada pelanggan telah dicatatkan dalam buku tunai tetapi belum lagi dikreditkan dalam Penyata Bank.
- Sekeping cek telah diterima daripada pelanggannya untuk menyelesaikan hutang yang berjumlah RM700 dan memberinya 5% diskaun tunai. Cek itu tidak dilayan oleh bank.
- Berikut adalah perkara yang terdapat dalam Penyata Bank tetapi tiada dalam buku Tunai Kedai Aminah:

Bayaran perkhidmatan	RM50
Dividen	RM200
Faedah Simpanan Tetap	RM500

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Oktober 2023 tanpa mengemaskini Buku Tunai.

[12 markah]

Soalan 5

Puan Mawar adalah pemilik Mawar Florist di Kangar, Perlis. Dia menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut sistem panjar dengan nilai panjar berjumlah RM300.

Urus niaga berikut diambil daripada buku Mawar Florist:

Tarikh	Butir	RM
2023		
Mac 31	Baki bank	8 368
	Baki buku tunai runcit	92
April 1	Rekupmen dengan cek (No.511222)	?
3	Bayaran untuk kertas A4	36
6	Bayaran untuk pewangi pejabat	25
8	Bayaran untuk setem dan pos	20
10	Bayaran kepada Perniagaan Matahari dengan cek (No.511223)	2 685
12	Terima cek daripada Seroja Enterprise	3 700
15	Bayaran untuk surat khabar dan majalah	22
17	Bayaran untuk kertas dan dakwat	58
18	Belian dengan cek (No.511224)	3 157
21	Cek diterima untuk jualan tunai	3 430
22	Bayaran untuk bungkusan pos	53
25	Bayaran untuk upah membaiki pintu pejabat	30
29	Terima cek daripada Orchid Enterprise	1 350
30	Bayaran sewa dengan cek bagi bulan April (No.511225)	2 800

Berikut adalah Penyata Bank bagi bulan April 2023 yang telah diterima oleh Mawar Florist.

PENYATA BANK					
Bank Sejahtera					
Lot 432, 01000 Kangar,					
Perlis					
Mawar Florist			Tarikh : 30 April 2023		
No. Akaun : 313424535646					
Tarikh	Butir	No. Cek	Debit	Kredit	Baki
2023			RM	RM	RM
April 1	Baki				8 668
1	Cek	511222	208		8 460
4	Cek	511221	300		8 160
13	Cek	511223	2 865		5 295
18	Cek	511224	3 157		2 138
21	Deposit			3 430	5 568
30	Dividen			600	6 168
30	Caj Bank		50		6 118

Maklumat tambahan :

Cek bertarikh 12 April 2023 dipulangkan oleh bank dengan tanda "*Rujuk Penyuruh Bayar*".

Anda dikehendaki menyediakan :

- a) Buku Tunai Runcit bagi bulan April 2023 dengan menunjukkan rekupmen bulan berikutnya.
Tunjukkan lajur analisis Alat tulis, Belanja Pos dan Belanja Pejabat
[9 markah]
- b) Buku Tunai ruangan bank
[8 markah]
- c) Penyata Penyesuaian Bank bermula dengan baki Buku tunai (tanpa mengemaskini Buku Tunai)
[8 markah]

BELANJAWAN TUNAI

Soalan 1

Puan Sharifah ialah pemilik perniagaan Sherry Bakery di bandar Kluang, Johor. Beliau merancang untuk menyediakan satu Belanjawan Tunai bagi suku ketiga tahun 2021. Anggaran baki akhir pada 30 Jun 2021 bagi tunai dan alatan kedai ialah RM6 000 dan RM12 000.

Maklumat perancangannya bagi suku ketiga tahun 2020 adalah seperti berikut:

- (i) Pemilik membawa masuk tunai sebanyak RM5 000 pada bulan Julai.
- (ii) Anggaran belian dan jualan:
 - Jualan pada bulan Jun ialah RM8 000. Anggaran jualan bagi bulan Julai dan Ogos ialah RM10 000 dan dijangka meningkat sebanyak 5% pada bulan September.
 - 60% daripada jualan adalah secara tunai dan bakinya diberi sebulan kredit.
 - Belian pada bulan Jun berjumlah RM5 000. Anggaran belian pada bulan Julai ialah RM6 500 dan dijangka meningkat 10% setiap bulan.
 - Belian adalah secara kredit dengan tempoh kredit selama satu bulan.
- (iii) Sebuah mesin pengisar bernilai RM1 500 akan dibeli pada bulan Julai dengan membayar deposit sebanyak RM300. Bakinya akan dibayar secara ansuran selama enam bulan mulai bulan Ogos 2021.
- (iv) Kadar bayaran bagi setiap bulan ialah RM800 dan dijangka meningkat 5% pada bulan September.
- (v) Sewa kedai ialah RM700 setiap bulan.
- (vi) Susut nilai alatan kedai ialah 10% setahun atas kos.
- (vii) Terdapat dua orang pekerja dengan gaji bulanan RM1 000 seorang. Pada bulan Ogos seorang pekerja baru akan diambil dengan gaji RM900 dan pada bulan September, pekerja lama akan menerima kenaikan gaji sebanyak 20%.

Anda dikehendaki menyediakan Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 30 September 2021.
(tunjukkan lebihan atau kurangan) [12 markah]

Soalan 2

Encik Halim, pemilik perniagaan Halim Event Management bercadang untuk menyediakan Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2021. Berikut merupakan baki-baki aset dan liabiliti pada 30 September 2021:

	RM
Tunai Runcit	330
Tunai di bank	15 150
Akaun Belum Terima	8 400

Anggaran penerimaan dan pembayaran bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

- (i) Anggaran belian tunai

	RM
Oktober	8 400
November	10 600
Disember	12 800

- (ii) Anggaran jualan tunai dan jualan kredit bagi tiga bulan adalah seperti berikut:

	Oktober	November	Disember
	RM	RM	RM
Jualan tunai	15 000	17 000	20 000
Jualan kredit	10 000	14 000	18 000

Polisi kredit adalah 30 hari.

- (iii) Perniagaan akan membeliengkapan berharga RM8 000 pada bulan November. Wang pendahuluan sebanyak RM2 000 dibayar semasa pembelian dibuat dan bakiannya dibayar dalam tiga kali ansuran mulai bulan berikutnya.
- (iv) Pinjaman bank RM60 000 dengan kadar faedah 6% setahun dijangka akan diterima pada bulan November. Pinjaman ini perlu dibayar balik dalam tempoh lima tahun bermula pada bulan berikutnya.
- (v) Anggaran pelbagai belanja adalah RM3 950 bagi bulan Oktober dan November. Perbelanjaan ini dijangka akan meningkat 10% pada bulan Disember.
- (vi) Susut nilai lengkapan ialah 10% atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2021.

(tunjukkan lebihan atau kekurangan)

[10 markah]

Soalan 3

Puan Sharifah ialah pemilik perniagaan Sherry Bakery di bandar Nilai, Negeri Sembilan. Beliau merancang untuk menyediakan satu Belanjawan Tunai bagi suku ketiga tahun 2020. Anggaran baki akhir pada 30 Jun 2020 bagi tunai dan alatan kedai ialah RM6 000 dan RM12 000.

Maklumat perancangannya bagi suku ketiga tahun 2020 adalah seperti berikut:

- i) Pemilik membawa masuk tunai sebanyak RM 5000 pada bulan Julai.
- ii) Anggaran belian dan Jualan:
 - Jualan pada bulan Jun ialah RM 8 000. Anggaran Jualan bagi bulan Julai dan ogos ialah RM 10 000 dan dijangka meningkat sebanyak 5 % pada bulan September. 60% daripada jualan adalah secara tunai dan bakinya diberi sebulan kredit.
 - Belian pada bulan Jun berjumlah RM 5 000. Anggaran belian pada bulan Julai ialah RM 6 500 dan dijangka meningkat 10% setiap bulan. Belian adalah secara kredit dengan tempoh kredit selama satu bulan.
- iii) Sebuah mesin pengisar bernilai RM 1 500 akan dibeli pada bulan Julai dengan membayar deposit sebanyak RM 300. Bakinya akan dibayar secara ansuran selama enam bulan mulai bulan ogos 2020.
- iv) Kadar bayaran bagi setiap bulan ialah RM800 dan dijangka meningkat 5 % pada bulan September.
- v) Sewa kedai ialah RM700 setiap bulan.
- vi) Susut nilai alatan kedai ialah 10% setahun atas kos.
- vii) Terdapat dua orang pekerja dengan gaji bulanan RM 1000 seorang. Pada bulan Ogos seorang baru akan diambil dengan gaji RM 900 dan pada bulan September, pekerja lama akan menerima kenaikan gaji sebanyak 20 %.
- viii) Pinjaman bank RM60 000 dengan kadar faedah 6 % setahun dijangka akan diterima pada bulan Ogos. Pinjaman ini perlu dibayar balik dalam tempoh 5 tahun bermula bulan berikutnya.

Anda dikehendaki menyediakan Belanjawan Tunai Bagi Tiga Bulan Berakhir 30 September 2020.

(tunjukkan lebihan atau kekurangan)

[20 markah]

Soalan 4

Puan Mona, pemilik Perniagaan MONARZA menganggarkan penerimaan dan pembayaran berikut bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2021.

- (a) Pada 1 Oktober. Perniagaan MONARZA mempunyai baki-baki berikut:

Tunai di tangan	RM 10 000
Tunai di bank	RM 4 570
Perabot	RM 12 000
Akaun Belum Terima	RM 9 500
Akaun Belum Bayar	RM 7 000

- (b) Jualan tunai perniagaan pada bulan Oktober adalah RM45 000 dan akan bertambah setiap bulan sebanyak 10%.
- (c) Jualan kredit bulan Oktober adalah RM20 500 dan akan meningkat 5% setiap bulan. Tempoh kredit adalah sebulan.
- (d) Maklumat belian perniagaan adalah seperti berikut:

Bulan	Belian
Oktober	RM 50 600
November	RM 41 000
Disember	RM 47 690

Belian tunai adalah 70%, manakala bakinya diberi tempoh kredit sebulan.

- (e) Belanja bulanan:

Gaji	RM 3 200
Sewa	RM 3 950
Kadar bayaran	RM 2 880

- (f) Susutnilai perabot adalah RM1 000 setiap bulan. Perabot akan dijual pada harga RM 10 000 pada 1 November 2021 secara tunai.
- (g) Perniagaan bercadang membeli komputer berharga RM 6 500 pada bulan November. Bayaran pendahuluan sebanyak RM3 000 dibuat pada bulan November dan bakinya dijelaskan dalam 4 kali ansuran bulanan bermula bulan berikutnya.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Belanjawan Tunai bagi 3 bulan berakhir 31 Disember 2021.

[22 markah]

- (b) Melengkapkan prestasi perniagaan dengan membandingkan belanjawan dengan urus niaga sebenar bagi 3 bulan tersebut dalam jadual di bawah.

[3 markah]

Butir	Belanjawan (RM)	Sebenar (RM)	Prestasi
Jualan		162 000	
Belian		99 000	
Gaji		8 000	

PERAKAUNAN UNTUK PERKONGSIAN

PERKONGSIAN

Soalan 1

Berikut adalah maklumat dari Perkongsian Mazlan Dan Sahabat pada 31 Disember 2021.

	RM
Faedah atas modal :	
Mazlan	4800
Lina	4800
Mary	2400
Faedah atas ambilan :	
Mazlan	800
Lina	600
Mary	900
Gaji pekongsi :	6000
Mazlan	6000
Mary	
Untung bersih	61030

Untung dan rugi dibahagikan mengikut nisbah modal.

Anda dikehendaki :

menyediakan Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

Soalan 2

Maklumat ini diambil dari ikatan Perkongsian Diandra dan Niani.

- a) Untung dan rugi dibahagikan mengikut nisbah modal
- b) Faedah atas modal 8% setahun
- c) Gaji tahunan pekongsi ialah Diandra RM 9600 dan Niani RM 9000
- d) Faedah atas ambilan 10% setahun. Ambilan pekongsi seperti berikut :

Pekongsi	1 Julai 2021	1 Oktober 2021
Diandra	-	RM 440
Niani	RM 80	RM 800

- e) Bagi tahun berakhir 31 Disember 2021, Perkongsian Diandra dan Niani mendapat untung bersih RM 26500.
- f) Separuh daripada gaji pekongsi telah dibayar kepada mereka pada pertengahan tahun
- g) Modal pekongsi Diandra ialah RM 30000 dan modal pekongsi Niani ialah RM 20000

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.

Soalan 3

Samad dan Rita adalah Perkongsian Sari dan mempunyai ikatan perkongsian seperti berikut:

- a) Faedah atas pinjaman pekongsi 8% setahun
- b) Faedah atas modal 10% setahun
- c) Gaji tahunan Samad dan Rita ialah RM 8500 dan RM 10500
- d) Untung rugi dibahagikan antara Samad dan Rita mengikut nisbah 3:2

Maklumat berikut diperoleh sepanjang tempoh 31 Disember 2021 :

	RM
Pada 1 Januari 2021 :	
Akaun modal : Samad	20000
Rita	50000
Akaun semasa : Samad	
Rita	2900 1800 (Dt)
Pada 31 Disember 2021 :	
Pinjaman Samad (1 Julai 2021)	6000
Premis	96000
Alatan kedai	16900
Perabot	20400
Inventori	4480
Ambilan : Samad	4400
Rita	4800
Akaun Belum Terima	11300
Akaun Belum Bayar	7100
Bank (baki kredit)	3500
Untung bersih bagi 31 Disember 2021	70580

Maklumat tambahan:

Untung bersih bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 masih belum mengambil kira :

- i. Faedah atas pinjaman
- ii. Susut nilai alatan kedai sebanyak 20% setahun atas kos

Anda dikehendaki menyediakan:

- a) Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2021.
- b) Akaun Semasa setiap pekongsi (bentuk beruangan)
- c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021

Soalan 4

Ismail dan Rohana adalah pekongsi dalam perkongsian Ishana. Perjanjian perkongsian adalah seperti yang berikut.

- i) Faedah atas pinjaman pekongsi 8% setahun.
- ii) Faedah atas modal 10% setahun.
- iii) Gaji tahunan Ismail dan Rohana adalah RM8 500 dan RM10 500 masing-masing.
- iv) Untung dan rugi dibahagikan antara Ismail dan Rohana mengikut nisbah 3 : 2.

Maklumat perakaunan yang berikut diperolehi untuk tempoh perakaunan berakhir 31 Disember 2022.

1 Januari 2022 :	RM
Akaun Modal Ismail	20,000
Akaun Modal Rohana	50,000
Akaun Semasa Ismail	2,900
Akaun Semasa Rohana	1,800 (kt)

31 Disember 2022 :	RM
Pinjaman Ismail (1 Julai 2022)	6,000
Premis (kos)	96,000
Alatan kedai (kos)	16,900
Inventori	4,480
Perabot (kos)	20,400
Ambilan Ismail	4,400
Ambilan Rohana	4,800
Akaun Belum Terima	11,300
Akaun Belum Bayar	7,100
Bank (baki kredit)	3,500
Untung bersih bagi tahun berakhir 31 Disember 2022	70,580

Maklumat tambahan:

Untung bersih bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 belum mengambilkira:

- i) Faedah atas pinjaman.
- ii) Susut nilai alatan kedai sebanyak 20% setahun atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan:

- a) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 2022.
- b) Akaun Semasa setiap pekongsi dalam bentuk beruangan.
- c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 (tunjukkan modal kerja).

Soalan 5

Faheem, Safiyya dan Aishaa adalah pekongsi dalam perkongsian FSA. Perjanjian perkongsian adalah seperti yang berikut.

- i) Faedah atas ambilan pekongsi 10% setahun.
- ii) Faedah atas modal 6% setahun.
- iii) Gaji bulanan Faheem dan Safiyya adalah RM900 dan RM800 masing-masing.
- iv) Untung dan rugi dikongsi antara Faheem, Safiyya dan Aishaa adalah mengikut nisbah modal.

Maklumat berikut diperoleh pada 31 Disember 2023 setelah Akaun Perdagangan disediakan.

	RM	RM
Pada 1 Januari 2023:		
Akaun Modal Faheem		50,000
Akaun Modal Safiyya		30,000
Akaun Modal Aishaa		20,000
Akaun Semasa Faheem		2,400
Akaun Semasa Safiyya	2,100	
Akaun Semasa Aishaa		620
Susut Nilai Berkumpul Perabot		2,000
Susut Nilai Berkumpul Kenderaan		5,200
Pada 31 Disember 2023:		
Simpanan Tetap (kadar faedah 5% setahun)	20,000	
Perabot (kos)	15,000	
Inventori	26,400	
Faedah Simpanan Tetap		800
Kenderaan (kos)	64,400	
Ambilan :		
Faheem (1 Ogos 2023)	2,400	
Safiyya	1,200	
Aishaa (31 Disember 2023)	3,500	
Akaun Belum Terima	11,600	
Akaun Belum Bayar		4,100
Bank		1,200
Untung Kasar		52,760
Insurans	2,840	
Kadar Bayaran	1,540	
Gaji dan Upah Pekerja	17,680	
Belanja Kenderaan	1,200	
Peruntukan Hutang Ragu		780
	169,860	169,860

Maklumat tambahan:

- a) Kadar susut nilai perabot adalah 10% atas kos manakala kenderaan adalah 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- b) Simpanan Tetap dibuat pada 1 Januari 2023.
- c) Kadar bayaran termasuk deposit telefon sebanyak RM200.
- d) Insurans prabayar RM520.

- e) Seorang pelanggan yang berhutang RM600 telah muflis. Hutangnya dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- f) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 5% daripada Akaun Belum Terima.

Anda dikehendaki menyediakan:

- a) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023
- b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023
- c) Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2023 (tunjukkan modal kerja).

PEMBUBARAN PERKONGSIAN

Soalan 1

- (a) Ewan dan Eriz ialah pekongsi dalam Perkongsian E&E. Mereka berkongsi untung atau rugi dengan nisbah 3:2. Ewan memutuskan untuk bekerja di luar negara dan mereka bersetuju untuk membuburkan perkongsian pada 30 April 2021.

Maklumat perkongsian mereka pada tarikh berkenaan adalah seperti berikut :

Bangunan	80 000
Lengkapan	10 000
Inventori	6 000
Akaun Belum Terima	12 000
Bank	19 000
Modal :	
Ewan	72 000
Eriz	48 000
Akaun Belum Bayar	7 000

Perkara berikut telah dipersetujui semasa pembubaran perkongsian.

- (i) Lengkapan dan inventori dijual pada harga RM11 000.
- (ii) Akaun Belum Terima telah dijelaskan kecuali RM2 000 yang dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (iii) Eriz telah mengambil alih bangunan dengan nilai RM105 000.
- (iv) Akaun Belum Bayar telah dijelaskan dan menerima diskaun RM500.
- (v) Kos perundangan dijelaskan sebanyak RM800.

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Realisasi pada tarikh berkenaan.

[8 markah]

Soalan 2

Encik Hisyam dan Encik Modmad adalah pekongsi bagi Perkongsian Hismad. Mereka bersetuju untuk membubarkan perkongsian mereka pada 31 Mac 2019 kerana Encik Modmad akan berpindah ke negeri lain. Mereka membahagikan untung atau rugi mengikut nisbah modal masing-masing.

Kedudukan kewangan perniagaan pada tarikh pembubaran adalah seperti yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan berikut:

	RM		RM
Kenderaan	51 000	Akaun Modal Hisyam	45 000
Perabot	15 570	Akaun Modal Modmad	15 000
Alatan pejabat	3 500	Akaun Semasa Hisyam	10 000
Akaun Belum Terima	2 530	Akaun Semasa Modmad	2 800
Bank	2 000	Akaun Belum Bayar	1 800
	74 600		74 600

Perkara-perkara berikut berlaku semasa proses pembubaran:

- (i) Perabot telah dijual pada harga RM12 500.
- (ii) Baki Akaun Belum Terima dapat dikutip kecuali RM530 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (iii) Aset diambil alih oleh Encik Hisyam:
 - Kenderaan RM38 000
 - Alatan Pejabat RM3 000
- (iv) Semasa proses pembubaran, didapati kadar bayaran belum bayar RM600.
- (v) Belanja realisasi sebanyak RM500.
- (vi) Akaun Belum Bayar telah dijelaskan sepenuhnya RM1 600.
- (vii) Baki Akaun Semasa dipindah ke Akaun Modal.
- (viii) Penerimaan dan pembayaran menggunakan cek.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Realisasi. [8 markah]
- (b) Akaun Modal Hisyam dan Akaun Modal Modmad. [6 markah]
- (c) Akaun Bank. [6 markah]

Soalan 3

Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perkongsian FA pada 30 Jun 2019.

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Modal (1 Julai 2018):		
Fatini		60 000
Farzana		60 000
Premis (kos)	70 000	
Kenderaan (kos)	50 000	
Akaun Semasa (1 Julai 2018):		
Fatini	1 600	
Farzana		4 500
Ambilan:		
Fatini	10 000	
Farzana	6 000	
Bank		2 500
Tunai	2 100	
Gaji Fatini	8 000	
Akaun Belum Terima	18 800	
Akaun Belum Bayar		16 320
Inventori 30 Jun 2019	16 400	
Pinjaman daripada Farzana		15 000
Untung bersih		23 080

Maklumat tambahan:

- a) Ikatan perjanjian telah menetapkan perkara berikut:
 - i) Faedah atas modal 6 % setahun.
 - ii) Faedah atas ambilan 8 % setahun.
 - iii) Gaji bulanan Fatini adalah RM 800
 - iv) Faedah atas pinjaman pekongsi 10% setahun.
 - v) Untung dan rugi dibahagikan sama rata antara Fatini dan Farzana

- b) Pada 1 Julai 2019, mereka bersetuju membubarkan perniagaan perkongsian mereka. Perkara-perkara berikut diambilkira semasa pembubaran berlaku:
 - i. Belanja proses pembubaran RM 1 000
 - ii. Kenderaan dan inventori diambilalih oleh Fatini pada nilai RM 65 000
 - iii. Premis dijual pada harga RM 90 000.
 - iv. Akaun Belum Terima berjaya dikutip sebanyak RM17 500 dan bakinya dihapus sebagai hutang lapuk.
 - v. Akaun Belum Bayar dijelaskan sepenuhnya setelah menerima diskaun RM 320
 - vi. Farzana bersetuju pinjaman daripadanya dianggap sebagai tambahan modalnya

Anda dikehendaki:

- | | |
|---|------------|
| (a) Menyediakan Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2019 | [4 markah] |
| (b) Akaun Semasa Pekongsi | [5 markah] |
| (c) Akaun Realisasi | [4 markah] |
| (d) Akaun Modal Pekongsi | [3 markah] |
| (e) Akaun Bank | [3 markah] |

Soalan 4

Amsyar, Harith dan Airel adalah pekongsi dalam Perniagaan Perabot AMHAIR yang beroperasi di bandar Yan, Kedah. Mereka berkongsi untung rugi mengikut nisbah modal. Pada 1 Julai 2022 mereka bersetuju untuk membubarkan perniagaan.

Maklumat kewangan berikut diperolehi pada tarikh pembubaran:

	RM	RM
Kenderaan		38 000
Alatan Pejabat		10 200
Premis		70 000
Inventori Akhir		20 500
Akaun Belum Terima		3 550
Bank		7 200
Tunai		690
Akaun Belum Bayar		12 500
Kadar Bayaran Belum Bayar		330
Akaun Modal: Amsyar	40 000	
Harith	40 000	
Airel	20 000	
	100 000	
Akaun Semasa : Amsyar	5 280	
Harith	2 530	
Airel	(500)	
	7 310	
Pinjaman Bank		30 000

Perkara-perkara berikut berlaku semasa pembubaran:

- (i) Kenderaan dan alatan pejabat diambil alih oleh Amsyar dengan nilai RM45 000 manakala premis diambil alih oleh Harith dengan nilai RM65 000.
- (ii) Inventori akhir direalis RM19 000 dan Akaun Belum Terima dapat dikutip RM3 400.
- (iii) Belanja-belanja yang terlibat dengan pembubaran RM520 dibayar oleh Airel
- (iv) Pinjaman bank dibayar balik sepenuhnya
- (v) Kadar bayaran belum bayar dijelaskan sepenuhnya dan Akaun Belum Bayar dijelaskan dengan menerima diskaun RM200
- (vi) Pada 1 Julai 2022, belanja pengiklanan belum bayar RM320 yang tertinggal rekod dapat dikesan dan dipersetujui dijelaskan oleh Harith.
- (vii) Semua penerimaan dan pembayaran dibuat dengan cek
- (viii) Mana-mana pekongsi yang mengalami kekurangan modal hendaklah membawa masuk tunai ke bank sepenuhnya.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Realisasi
- (b) Akaun Bank
- (c) Akaun Modal Pekongsi (beruangan)

Soalan 5

Mawar dan Faridah adalah pekongsi dalam Perkongsian MR Indah yang membahagikan untung rugi mengikut nisbah modal.

Berikut adalah kedudukan kewangan Perkongsian MR Indah pada 30 September 2023

	RM	RM
Inventori	6 300	
Akaun Belum Terima	7 520	
Lengkapan	4 900	
Alatan Pejabat	8 200	
Bank		3 980
Akaun Belum Bayar		6 700
Modal Mawar		12 000
Modal Faridah		4 000
Akaun Semasa Mawar		1 220
Akaun Semasa Faridah	980	
	27 900	27900

Pada 1 Oktober 2023, mereka bersetuju untuk membubarkan perkongsian mereka. Perkara-perkara berikut telah berlaku semasa proses pembubaran.

- (i) Lengkapan dan alatan pejabat telah dijual dengan harga RM7 155
- (ii) Inventori diambil alih oleh Mawar dengan harga RM5 920
- (iii) Belanja realisasi dibayar sebanyak RM530
- (iv) Penerimaan daripada Akaun Belum Terima sebanyak RM7 000
- (v) Liabiliti dijelaskan sepenuhnya dengan diskaun tunai 5%
- (vi) Semua urusan penerimaan dan pembayaran dibuat dengan cek.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Realisasi
- (b) Akaun Bank
- (c) Akaun Modal
- (d) Nyatakan dua sebab akaun modal pekongsi berbaki debit

PERAKAUNAN UNTUK SYARIKAT BERHAD MENURUT SYER

Soalan 1

Petikan Penyata Kedudukan Kewangan berikut diperoleh daripada buku perakaunan Zainon Berhad.

Zainon Berhad	
<u>Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020, 2021, dan 2022</u>	
	RM
<u>Modal diterbitkan dan berbayar</u>	
1 000 000 unit 8% Syer Keutamaan RM 2.00 sesyer	2 000 000
4 800 000 unit Syer Biasa RM 1.00 sesyer	<u>4 800 000</u>
	<u>6 800 000</u>

Jadual di bawah menunjukkan keuntungan syarikat yang diperuntukkan untuk pembayaran dividen bagi tahun 31 Disember 2020 dan 31 Disember 2021:

Maklumat tambahan:

- i. Untung bersih bagi tahun berakhir 31 Disember 2022 sebanyak RM 640 000.
- ii. Pada 30 Jun 2022 Lembaga Pengarah telah:
 - Mengisytiharkan pembayaran dividen interim kepada pemegang Syer Keutamaan dan 2% kepada pemegang Syer Biasa.
 - Mencadangkan pembayaran dividen akhir kepada pemegang Syer Keutamaan dan 7% kepada pemegang Syer Biasa.

Anda dikehendaki:

- i. Melengkapkan jadual di bawah untuk menunjukkan agihan dividen antara pemegang syer keutamaan dengan pemegang syer biasa bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 dan 31 Disember 2021. [4 markah]

Tahun	Keuntungan diperuntukkan untuk dividen	Dividen Syer Keutamaan	Dividen Syer Biasa
2020	RM150 000		
2021	RM314 000		

- ii. Menghitung kadar dividen syer biasa bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. [2 markah]
- iii. Menghitung dividen interim dan dividen akhir tahun berakhir 31 Disember 2021. [4 markah]

Soalan 2

Modal diterbitkan dan berbayar penuh bagi Syarikat Ben Hedrah Bhd. Berjumlah RM 9 960 000 yang terdiri daripada 2 700 000 unit 7% Syer Keutamaan RM 2.30 seunit dan 7 500 000 unit syer biasa RM 0.50 seunit.

Lembaga pengarah syarikat telah memutuskan pembayaran dividen interim kepada pemegang syer keutamaan dan 4% kepada pemegang syer biasa pada 30 April 2021. Pada tempoh perakaunan yang berakhir 31 Disember 2021, syarikat memperoleh untung bersih sebanyak RM 1 800 000 dan telah mengisytiharkan akan membuat pembayaran dividen akhir kepada pemegang-pemegang syernya.

a. Anda dikehendaki menghitung :

- | | | |
|------|--------------------------------|-------------|
| i. | Dividen interim syer keutamaan | [2 markah] |
| ii. | Dividen interim syer biasa | [2 markah] |
| iii. | Dividen akhir syer keutamaan | [2 markah] |
| iv. | Dividen akhir syer biasa | [2 markah] |

Soalan 3

Nursehartanah Berhad merupakan sebuah syarikat hartanah yang beroperasi di Kuala Nerus, Terengganu. Pada 1 Mac 2023, syarikat telah menerbitkan 3 000 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM1.00 sesyer dan 2 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM0.50 sesyer. Pada 10 Mac 2023, semua syer itu telah dilanggan dan dibayar penuh.

Pada 30 Jun 2023, syarikat telah membayar dividen interim bagi pemegang Syer Keutamaan dan 4% bagi pemegang Syer Biasa.

Pada 3 Ogos 2023, syarikat memerlukan modal tambahan dengan menerbitkan 1 000 000 unit 6% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 seseyer dan 1 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM0.50 sesyer. Pada tarikh tutup permohonan 11 Ogos 2023, semua Syer Keutamaan telah dilanggan penuh manakala terdapat kurangan langganan berjumlah RM100 000 bagi Syer Biasa. Wang kurangan langganan ditanggung oleh pihak penaja jamin pada 15 Ogos 2023.

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2023, syarikat mengisytiharkan dividen akhir kepada pemegang Syer Keutamaan dan 3 sen seunit dividen akhir kepada pemegang Syer Biasa.

Anda dikehendaki:

(a) merekod terbitan syer ke dalam:

- | | |
|---|------------|
| (i) Akaun Permohonan 8% Syer Keutamaan | |
| (ii) Akaun Permohonan 6% Syer Keutamaan | |
| (iii) Akaun Permohonan Syer Biasa | |
| (iv) Akaun Modal 8% Syer Keutamaan | |
| (v) Akaun Modal 6% Syer Keutamaan | |
| (vi) Akaun Modal Syer Biasa | |
| (vii) Akaun Bank | [9 markah] |

(b) menyediakan petikan Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2023
(bahagian Ekuiti Pemilik sahaja) [3 markah]

(c) menghitung dividen interim [3 markah]

(d) menghitung dividen akhir [5 markah]

Soalan 4

- (a) Syarikat Bestari Berhad menawarkan perkhidmatan pembekalan barangan elektronik. Pada 1 Ogos 2022 syarikat telah menerbitkan 900 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM1.00 sesyer dan 800 000 unit Syer Biasa pada harga RM0.50 sesyer. Pada 15 Ogos 2022, semua syer itu telah dilanggan dan dibayar penuh.

Pada 1 Julai 2023, syarikat telah menerbitkan lagi 600 000 unit 11% Syer Keutamaan pada harga RM1.00 sesyer. Pada 15 Julai 2023, jumlah wang yang diterima berjumlah RM555 000. Wang kurangan langganan ditanggung oleh pihak penaja jamin pada 31 Julai 2023.

Anda dikehendaki:

- (i) Merekod semua urus niaga berkaitan terbitan syer dalam Lejar. (7 markah)
- (ii) Menunjukkan bahagian Ekuiti Pemilik Syarikat Bestari Berhad dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2023. (1 markah)

- (b) Pada 30 Jun 2023 Syarikat Murni Berhad telah menerbitkan 7 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer kepada orang awam. Pada tarikh tutup permohonan iaitu 31 Julai 2023, jumlah wang yang diterima ialah RM8 000 000. Wang lebihan dipulangkan kepada pemohon yang tidak berjaya pada tarikh yang sama. Lembaga pengarah mengisytiharkan dividen akhir sebanyak 10% kepada setiap pemegang syer.

Anda dikehendaki:

- (i) Rekodkan terbitan syer dan lebihan langganan yang dipulangkan ke dalam Jurnal Am. (Abaikan keterangan) (6 markah)
- (ii) Hitung dividen akhir syer biasa. (2 markah)
- (iii) Nyatakan **dua** perbezaan antara dividen interim dan dividen akhir. (4 markah)

PERAKAUNAN UNTUK KELAB DAN PERSATUAN

Soalan 1

Maklumat berikut diperolehi daripada Kelab Belia Sri Inai (KBSI) yang telah ditubuhkan pada tahun 2021 di Seremban.

	1 Jan 2021	31 Dis 2021
	RM	RM
Bangunan kelab (kos)	100 000	100 000
Lengkapan danengkapan	-	9 000
Inventori kafetaria	3 200	2 400
Akaun Belum Terima kafetaria	2 000	2 600
Yuran Belum Terperoleh	400	1 200
Yuran Belum Terima	1 300	1 500
Kadar bayaran belum bayar	200	400
Susut nilai terkumpul bangunan kelab	20 000	?
Bank	42 000	?

Penerimaan dan pembayaran melalui akaun bank kelab bagi tahun 2021:

Penerimaan:

	RM
Yuran ahli	55 000
Yuran masuk	2 000
Derma untuk membina gelanggang futsal	7 000
Jualan kafetaria	14 600
Sewa kanopi	1 500
Yuran pertandingan permainan rakyat	6 000
Akaun Belum terima kafetaria	3 500

Pembayaran:

	RM
Upah pekerja kafetaria	1 500
Akhbar dan majalah	250
Insurans kelab	2 400
Kadar bayaran	1 600
Hadiah pertandingan permainan rakyat	3 600
Belian kafetaria	5 500
Lengkapan danengkapan	9 000
Kursus motivasi	3 600

Maklumat tambahan:

- (i) Yuran lapuk adalah sebanyak RM750
- (ii) Sewa kanopi berjumlah RM500 masih belum diterima
- (iii) Susutnilai bangunan dikira menggunakan kaedah baki berkurangan 20% setahun

Anda dikehendaki menyediakan:

- | | |
|--|------------|
| (a) Akaun Yuran Ahli | [3 markah] |
| (b) Penyata Mengira Dana Terkumpul pada 1 Januari 2021 | [3 markah] |
| (c) Akaun Perdagangan Kafetaria bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 | [3 markah] |
| (d) Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 | [9 markah] |
| (e) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 dengan menunjukkan bahagian dan terkumpul sahaja. | [2 markah] |

Soalan 2

Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan Kelab Fotografi Cherating (KFC) pada 1 Januari 2021.

	RM
Premis	135 000
Kenderaan	80 000
Susut nilai terkumpul kenderaan	24 000
Yuran Belum Terima	250
Inventori kantin	2 800
Akaun Belum Terima kantin	4 230
Insurans prabayar	200
Kadar bayaran belum bayar	160
Bank	1 450

Ringkasan Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

**Kelab Fotografi Cherating (KFC)
Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2021**

	RM		RM
Yuran tahun 2020	200	Belian kantin	3 860
Yuran tahun 2021	15 300	Upah pekerja kantin	2 400
Yuran tahun 2022	150	Gaji kerani kelab	3 000
Yuran pertandingan gubahan	600	Hadiah pertandingan gubahan	420
Jualan kantin	6 780	Dermasiswa	1 500
Akaun Belum Terima kantin	2 890	Lawatan sambil belajar	280
Derma	5 800	Insurans kelab	480
		Kadar bayaran kelab	475
		Alatan sukan	6 000
		Elaun kehormat	175

Maklumat tambahan:

- i) Pada 31 Disember 2021:
 - Inventori kantin RM1 930
 - Akaun Belum Terima kantin RM3 675
 - Kadar bayaran belum bayar RM126
- ii) Kelab mempunyai 320 orang ahli dengan yuran tahunan setiap ahli ialah RM50. Yuran tahun 2020 yang masih belum diterima hendaklah dihapuskan sebagai yuran lapuk.

- iii) Kenderaan dijangka dapat digunakan selama 12 tahun dan nilai skrapnya adalah RM8 000
- iv) Derma yang diterima adalah untuk pengubahsuaian premis kelab.
- v) Insurans dibayar adalah untuk setahun mulai 1 Julai 2021.

Anda dikehendaki menyediakan :

- a) Akaun Yuran (6 markah)
- b) Akaun Kawalan Belum Terima (2 markah)
- c) Akaun Perdagangan Kantin bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 (3 markah)
- d) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Dis. 2021 (10 markah)
- e) Catatan Bahagian Dana Terkumpul pada Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 (4markah)

Soalan 3

Kelab Seni Kanvas menyediakan maklumat berikut bagi tahun berakhir 30 Jun 2023.

	1 Julai 2022 RM	30 Jun 2023 RM
Tunai di bank	18 310	Perlu dikira
Lengkapan (kos)	22 000	27 650
Susut nilai terkumpulengkapan	9 250	Perlu dikira
Inventori alat-alat seni	3 900	4 200
Insurans prabayar	220	245
Yuran belum terperoleh	3 150	3 850
Yuran belum terima	1 575	1 050
Akaun Belum Bayar	2 874	2 363

Berikut merupakan senarai penerimaan dan pembayaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2023. Semua urusan niaga dibuat melalui akaun bank kelab.

	RM
Penerimaan:	
Yuran masuk seminar	12 770
Derma untuk pembinaan Studio Seni	300 000
Jualan alat-alat seni	34 300
Yuran ahli	150 850
Pembayaran:	
Kontraktor pembinaan Studio Seni	350 000
Lengkapan	5 650
Belanja am	67 460
Penceramah jemputan	2 600
Insurans	2 900
Sewa	38 000
Akaun Belum Bayar	28 961

Maklumat tambahan:

- (i) Pada 1 Januari 2023, seorang ahli telah menderma sebidang tanah yang bernilai RM75 000 untuk pembinaan Studio Seni yang baharu.
- (ii) Pada 30 Jun 2023, Studio Seni dinilai pada harga pasaran RM425 000.
- (iii) Lengkapan disusutnilaikan pada kadar 15% setahun menggunakan kaedah baki berkurangan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- Akaun Penerimaan dan Pembayaran.
- Akaun yuran ahli.
- Akaun Perdagangan Kedai Alat-alat Seni bagi tahun berakhir 30 Jun 2023
- Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2023
- Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2023

Soalan 4

Berikut adalah ringkasan penerimaan dan pembayaran yang dikemukakan oleh Kelab Keluarga Ceria Taman Ria pada 31 Disember 2023.

Penerimaan:	RM
Yuran ahli:	
Tahun 2022 RM50	
Tahun 2023 RM9 950	10 150
Tahun 2024 RM150	
Yuran masuk	1 990
Derma	24 000
Jualan kantin	21 500

Pembayaran:	RM
Sewa rumah kelab	5 880
Perabot	4 500
Alat tulis	675
Akhbar dan majalah	420
Kadar bayaran	2 500
Upah pekerja kantin	3 000
Belian kantin	12 400
Pembekal minuman	3 600

Maklumat tambahan:

- Baki-baki pada:

	1 Januari 2023	31 Disember 2023
	RM	RM
Bank	2 795	?
Yuran Belum Terima	75	120
Yuran Belum Terperoleh	50	?
Perabot	6 000	9 700
Inventori kantin	1 600	1 970
Pembekal minuman	300	1 200
Sewa rumah kelab prabayar	440	-
Kadar bayaran belum bayar	30	80

- 60% daripada kadar bayaran ialah untuk kantin.
- Derma adalah untuk tabung bagi membina rumah kelab.
- Yuran 2022 yang masih belum dikutip dianggap sebagai yuran lapuk.

Anda dikehendaki menyediakan:

- Akaun Penerimaan dan Pembayaran [3 markah]
- Akaun Yuran [4 markah]
- Akaun Perdagangan Kantin bagi tahun berakhir 30 Jun 2023 [5 markah]
- Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2023 [7 markah]
- Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2023 [6 markah]

PERAKAUNAN KOS

Soalan 1

Azri seorang pengilang. Beliau juga membeli barang siap untuk dijual semula. Berikut adalah baki-baki pada 31 Ogos 2022 yang telah diperolehi daripada buku perakaunan Azri.

	RM
Angkutan Masuk – bahan langsung	1,690
Upah buruh langsung	63,860
Belanja am	20,410
Belian alat-alat kilang	2,250
Mesin (kos)	62,200
Susutnilai terkumpul mesin	26,100
Pulangan belian – barang siap	1,090
Belian – barang siap	18,450
Belian – bahan langsung	132,340
Jualan	312,255
Royalti	2,875

	1 September 2021	31 Ogos 2022
Inventori:	RM	RM
Barang siap yang dibeli	1,905	1,860
Barang siap di kilang	38,625	39,420
Bahan langsung	18,600	19,240
Kerja dalam proses	11,240	13,590
Alat-alat kilang	6,300	6,100

Maklumat tambahan pada 31 Ogos 2022

- (i) Belanja am prabayar RM210
- (ii) Angkutan masuk belum bayar RM620
- (iii) Susutnilai adalah pada kadar 25% setahun megikuti kaedah baki berkurangan

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Alat-Alat Kilang bagi menunjukkan amaun yang akan dipindahkan ke Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Ogos 2022. Tunjukkan baki pada 1 September 2022
- (b) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Ogos 2022
- (c) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Ogos 2022

Soalan 2

Rezza Enterprise pengeluar minuman kesihatan di Seremban bercadang untuk mengeluarkan produk baharu berasaskan susu kambing berjenama R-Energy. Harga jualan satu paket minuman berkenaan ialah RM3.00

Anggaran kos pengeluaran produk berkenaan adalah seperti berikut:

	RM
Susut nilai mesin	1,200
Sewa kilang	800
Susu kambing segar	1.00 satu paket
Madu	0.40 satu paket
Serbuk coklat	0.30 satu paket
Lain-lain bahan	0.10 satu paket
Upah langsung	0.70 satu paket

Anda dikehendaki:

- a) Menghitung:
 - (i) Margin caruman seunit
 - (ii) Titik Pulang Modal
- b) Berdasarkan jawapan di 2 a), lukis graf titik pulang modal pada graf yang disediakan di Lampiran A dengan menggunakan skala yang sesuai

Anda perlu :

- i) Labelkan semua garisan pada graf
- ii) Tunjukkan titik pulang modal
- iii) Lorekkan kawasan untung dan rugi
- c) Hitung keuntungan yang diperoleh sekiranya Rezza Enterprise mensasarkan pengeluaran sebanyak 14,000 paket R-Energy dengan kos pengiklanan RM700
- d) Nyatakan fungsi titik pulang modal kepada pengeluar

Soalan 3

Syarikat Cantik Manis adalah pengeluar produk kecantikan. Maklumat di bawah ini berkaitan dengan pengeluaran 1000 unit bedak compact tersebut.

Inventori pada 1 Julai 2022:	RM
Bahan lansung	10 700
Kerja dalam proses	4 600
Alat tulis kilang	1 270
Sewa bangunan	20 000
Gaji buruh tak langsung	25 600
Jualan	250 000
Bahan tak langsung	29 830
Pulangan keluar bahan langsung	2 700
Belian bahan langsung	93 500
Angkutan masuk bahan langsung	4 300
Lengkapan	12 400
Susut nilai terkumpul loji dan mesin	9 000
Upah buruh langsung	41 800
Loji dan mesin (kos)	60 000
Gaji jurujual	21 300
Kadar bayaran kilang	6 400
Insurans kilang	3 600
Belanja pembaikan kilang	4 200
Belian alat tulis kilang	1 290
Royalti kilang	3 500

Maklumat tambahan:

i. Inventori pada 30 Jun 2023:

	RM
Bahan lansung	10 000
Kerja dalam proses	6 540
Alat tulis kilang	2 230

ii. Invois belian bahan langsung bernilai RM2 500 telah tertinggal rekod dalam mana-mana buku.

iii. 80% daripada belanja pembaikan kilang dipindahkan ke Akaun Lengkapan.

iv. Loji dan mesin disusut nilai 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

v. Belum bayar:

	RM
Royalti kilang	1 800
Upah buruh langsung	2 900
Sewa kilang	4 000
Duti atas belian bahan langsung	1 700

vi. Prabayar:

	RM
Insurans kilang	900
Kadar bayaran kilang	800

vii. Sewa bangunan dibahagikan antara kilang dan pejabat dengan nisbah 3 : 1.

Anda dikehendaki:

- a) menyediakan Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2023 [14 markah]
- b) menghitung:
- i. harga jualan seunit [2 markah]
 - ii. kos berubah seunit [2 markah]
 - iii. titik pulang modal [2 markah]
 - iv. bilangan unit basikal mini yang perlu dijual untuk mendapat untung sebanyak RM 50 000 [2 markah]
 - v. titik pulang nodal yang baharu jika harga jualan seunit basikal mini meningkat 4% manakala kos tetap dan kos berubah seunit tetap. [3 markah]

Soalan 4

Kilang Dayang Senandung adalah pengeluar topeng muka yang beroperasi di kawasan perindustrian Nilai 3, Negeri Sembilan. Maklumat yang berikut diperolehi daripada rekod perakaunan kilang tersebut pada 31 Mac 2023.

	1 April 2022	31 Mac 2023
	RM	RM
Inventori bahan langsung	24 420	23 960
Inventori barang siap	30 840	29 700
Alat-alat kecil	1 040	3 500
Kerja dalam proses:		
Bahan langsung	1 440	1 300
Buruh langsung	1 200	1 160
Kos overhead	820	600
Belian bahan langsung		45 640
Pulangan belian bahan langsung		3 120
Kadar bayaran		9 600
Angkutan keluar		1 200
Belanja am pejabat		100
Sewa		16 000
Insurans		3 600
Gaji pengurus pemasaran		31 000
Belian alat-alat kecil		3 000
Angkutan masuk		2 000
Royalti		5 000
Gaji pengurus kilang		29 200
Gaji operator kilang		24 000
Belanja am kilang		400
Modal		98 000
Bank		34 200

Maklumat tambahan:

- i. Nota kredit bernilai RM440 yang diterima daripada pembekal kerana pulangan bahan langsung yang rosak belum direkod dalam mana-mana buku.
- ii. Royalti bernilai RM1 000 masih belum bayar.
- iii. Gaji pengurus pemasaran termasuk gaji operator kilang sebanyak RM900.
- iv. Prabayar:

	RM
Kadar bayaran	500
Angkutan masuk	400

- v. Pada 1 Oktober 2022, Kilang Dayang Senandung telah membeli sebuah mesin baharu bernilai RM44000. Urus niaga tersebut telah tertinggal rekod dalam buku perakaunan. Mesin tersebut disusutnilaikan 10% setahun atas kos.
- vi. Perbelanjaan bagi kilang dan pejabat diagihkan mengikut peratusan berikut.

	Kilang %	Pejabat %
Kadar Bayaran	60	40
Insurans	60	40
Sewa	70	30

Anda dikehendaki menyediakan:

- a) Akaun Alat-alat Kecil
- b) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Mac 2023 (dalam bentuk penyata)

[4 markah]

[16 markah]